


Jilid II
Bil. 30



MALAYSIA

Hari Selasa
27hb Julai, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3317]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18 [Ruangan 3344]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3346]

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (Hari Ketujuh) [Ruangan 3346]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3396]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor), (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N., (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

Yang Berhormat TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZAHARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kempas).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISAMIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 27hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KEMUNCAK ASEAN DI BALI

1. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar menyatakan samada kemajuan konkrit di dalam lapangan kerjasama ekonomi telah dicapai sejak sidang kemuncak ASEAN di Bali, dan samada beliau sedar pelaburan-pelaburan asing ke Malaysia dan Asia Tenggara hanya akan muncul datang jika ASEAN digambarkan sebagai dinamik dan "action-orientated" dan bukan sebagai satu forum untuk puji memuji.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, memanglah jelas bahawa kemajuan konkrit di dalam lapangan kerjasama ekonomi telah dicapai sejak Sidang Kemuncak ASEAN di Bali. Ini terbukti dari mesyuarat Para Menteri Ekonomi ASEAN yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada awal bulan Mac tahun ini sebaik sahaja Sidang Kemuncak ASEAN di Bali selesai, dan di mesyuarat Para Menteri Ekonomi ASEAN tersebut telah ditetapkan bahawa sebagai permulaan negara-negara ASEAN akan bekerjasama untuk menubuhkan 4 jenis perindustrian sebagai perindustrian kerjasama ASEAN, iaitu penubuhan kilang urea di Indonesia dan Malaysia; Superphosphates di negara Filipina; Diesel engine di Singapura; dan Soda ash di Negara Thai. Seterusnya bagi mencapai matlamat kerjasama ekonomi ASEAN lima jawatankuasa telah ditubuhkan untuk membuat kajian

dengan mendalam berkaitan dengan rancangan-rancangan kerjasama yang akan dilaksanakan, iaitu:

1. Jawatankuasa mengenai Makanan dan Pertanian.
2. Jawatankuasa mengenai Perindustrian.
3. Jaatankuasa mengenai Perdagangan.
4. Jawatankuasa mengenai Perhubungan dan Pengangkutan.
5. Jawatankuasa mengenai kewangan dan Urusan Bank.

Memanglah disedari bahawa pelabur-pelabur asing ke Malaysia dan Asia Tenggara akan bertambah datang jika ASEAN digambarkan sebagai dinamik dan "action-orientated," dan adalah menjadi matlamat ASEAN untuk mencapai kearah itu. Sungguhpun baru berusia 9 tahun, pertubuhan ASEAN mempunyai asas yang teguh bagi mencapai matlamat ini. Haruslah juga diingat bahawa pelaburan-pelaburan asing juga berkehendakkan Malaysia dan Asia Tenggara sebagai satu kawasan yang aman dan stabil selain dari dinamik dan "action-orientated" dan ini juga adalah matlamat ASEAN sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Deklarasi Kuala Lumpur.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun kita ada mendengar Yang Berhormat Menteri menerangkan ada banyak pencapaian berkenaan ASEAN, tetapi saya hendak tahu adakah Menteri yang berkenaan sedar ada ramai orang mengkeritik berkenaan dengan pelancungan. Sungguhpun Kerajaan ada menggalakkan pelancungan, tetapi pelancungan di ASEAN sangat kurang kalau dibandingkan dengan tempat lain.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa samada kecil atau besar itu susah kita hendak

menentukan. Barangkali kepada Ahli Yang Berhormat perkara itu kecil, tetapi pada saya perkara itu besar. Tiap-tiap perkara itu di atas cara yang dibandingkan cara mana istilah atau definasi kecil dan besar dan bagi pihak saya, saya rasa pelancungan di negara ASEAN ini boleh dikatakan besar, bukanlah kecil di antara inter-regional sort of tourism.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh negara-negara ASEAN dalam hal menubuhkan satu pasaran bersama di rantau ini?

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Pasaran Bersama (Common Market) ini satu perkara yang saya rasa sulit hendak dicapai dengan serta-merta jikalau kita mengingatkan apa yang terdapat di negara-negara E.E.C. Sekarang ini pun saya rasa ada kesulitan yang tidak dapat diselesaikan untuk menubuhkan. Tetapi ini satu perkara yang barangkali pada jangka panjang mungkin kita perlu memikirkannya. Buat masa sekarang ini apa yang saya sebutkan itu adalah satu perkara yang perlu keutamaan diberi untuk bekerjasama dari segi ekonomi, selepas selesai perkara-perkara yang pada fikiran ASEAN adalah perkara yang perlu diutamakan, maka inilah perkara yang saya sebutkan tadi diutamakan dahulu. Common Market ini adalah perkara yang mungkin dikaji dengan sehalus-halusnya dan jikalau perlu mungkin dilaksanakan jika ada memberi kebaikan pada masa yang akan datang.

SYARIKAT BAS SEWA, THAILAND

2. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) memandangkan bahawa terdapat beberapa buah syarikat bas dari Thailand yang menjalankan perkhidmatan sewa khas di Malaysia dan ini telah mengeksploitasikan perkhidmatan syarikat bas kita, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memberhentikan amalan ini; dan
- (b) samada pelancung-pelancung dari Thailand dan kenderaan-kenderaan mereka diperiksa dengan rapi di sempadan dan di sepanjang lebuhraya.

Jika langkah-langkah keselamatan ini dicuainya, akan bertambahlah bilangan kes-kes jenayah dan penagih-penagih dadah di negara ini.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pegawai-pegawai Kementerian saya telahpun membuat rondaan khas terhadap bas-bas asing yang digunakan secara haram di negeri ini dengan tujuan mendakwa mereka yang terlibat. Tindakan ini akan terus diambil dari satu masa ke satu masa.
- (b) pelancung-pelancung dari Thai seperti-mana juga pelancung-pelancung dari negara-negara lain juga adalah diperiksa oleh pihak Kastam dan Imigresen manakala masuk ke negeri ini dengan bas-bas atau apa-apa juga jenis kenderaan lain dan pegawai-pegawai yang berkenaan akan terus menjalankan pemeriksaan yang rapi pada setiap masa.

Tuan S. Samy Vellu: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan, adakah syarikat-syarikat bas dari negeri kita menggunakan jalan dan juga memasuki negeri Thai yang sama mengikut bas-bas dari negeri Thai.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soal itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong ulangkan sekali lagi.

Tuan S. Samy Vellu: Bas-bas persiaran daripada negeri Thai masuk ke negeri kita sekarang menjalankan perkhidmatannya, adakah bas-bas daripada negeri kita mendapat peluang yang sama untuk menjalankan perkhidmatan bas di negeri Thai.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, itu saya sendiri pun kurang tahu kerana tidak ada pengaduan. Kita sendiri pun tidak tahu adakah mereka dapat kemudahan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak bersangkut dengan pengaduan, Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya, Yang Berhormat itu hendak tahu bas dari negeri Thai banyak datang ke

negeri kita. Adakah bas-bas negeri kita pergi ke sana mendapat peluang yang sama. Itu Yang Berhormat hendak tahu, maksudnya bas Malaysia?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Bas-bas pelancung kita ada juga pergi ke Thailand.

Tuan Yang di-Pertua: Ada pergi ke Thailand, itulah jawabannya. Bas-bas kita ada pergi ke Thai.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa layanan dua hala pelancung-pelancung Thai ke negeri kita dapat layanan baik, tetapi pelancung-pelancung kita yang pergi ke Thai, umpamanya, ke sempadan Golok tidak mendapat layanan yang baik bahkan setengahnya itu dituntut

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan layanan itu luas sangat; layanan tentang mana? (*Ketawa*).

Tuan Embong bin Yahya: Saya tukar percakapan itu semula. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa, layanan Kastam umpamanya, bukanlah layanan yang satu lagi itu, umpamanya, bas-bas pelancung daripada Thai masuk ke negeri kita memberi layanan Kastam, ataupun Imigeresen yang baik, kita tidak ada sebarang tuntutan wang ataupun sekatan pada mereka, tetapi apabila bas-bas pelancung kita pergi ke negeri Siam, maka ada Kastam-kastam dan polisnya itu menuntut wang daripada orang kita sehinggakan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada buktikah bercakap begitu?

Tuan Embong bin Yahya: Ada setengah-setengah pelancung mengadu begitu. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, tidak sedar.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak sedar!

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu adakah syarikat-syarikat bas persiaran menggunakan jalanraya kita membayar cukai jalan kepada Kerajaan Negeri kita?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Itu sebab kita mengambil tindakan ini kerana bas-bas pelancung dari luar negeri datang ke sini kita membenarkan mereka membawa tourists ke negeri ini. Sebenarnya, mereka tidak dibenarkan untuk membuat perniagaan dalam negeri kita.

KAWASAN-KAWASAN PERUSAHAAN

3. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa pembukaan kawasan-kawasan perusahaan dan kemasukan pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha untuk mendirikan kilang-kilang di kawasan-kawasan negeri yang mundur seperti Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis adalah sangat lambat dan jauh ketinggalan berbanding dengan negeri negeri lain yang lebih maju. Jika ya, apakah langkah-langkah dan strategi-strategi yang disediakan oleh Kementerian dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga supaya kedudukan itu dapat diperseimbangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pembukaan kawasan-kawasan perindustrian dan pembukaan industri-industri di negeri-negeri yang kurang maju adalah agak lambat berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Berkenaan dengan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian, suka saya menerangkan bahawa masalah ini adalah tanggungjawab daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan atas FIDA sentiasa menggesa Kerajaan-kerajaan Negeri, terutama negeri-negeri yang kurang maju supaya menyegerakan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian di negeri masing-masing.

Mengenai penubuhan industri-industri, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah berjaya menempatkan projek-projek industri baharu di kawasan-kawasan yang kurang maju. Perangkaan menunjukkan bahawa daripada jumlah projek-projek yang telah diluluskan tiap-tiap tahun peratusan yang ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju termasuk negeri-negeri yang dinyatakan oleh Ahli-ahli

Yang Berhormat itu semakin bertambah iaitu daripada 43.1% di dalam tahun 1971 menjadi 67.7% di dalam tahun 1975. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk menyelaraskan industri-industri, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus mengambil langkah-langkah yang positif di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk mencapai kemajuan yang lebih seimbang di antara negeri-negeri yang maju dengan yang kurang maju.

Di antara langkah-langkah yang akan diambil ialah memberi keutamaan di dalam meluluskan projek-projek yang akan ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju dan memberi galakan yang lebih dengan mengistiharkan kawasan-kawasan kurang maju yang tertentu sebagai kawasan galakan tempat kedudukan. Pada akhir tiap-tiap tahun galakan tempat kedudukan ini akan dikaji semula dengan tujuan untuk memberi bantuan yang lebih kepada kawasan-kawasan kurang maju.

Kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri dan ejensi-ejensi Kerajaan yang lain dengan Kementerian ini akan dilakukan dengan lebih sempurna lagi di dalam menentukan bahawa kemudahan-kemudahan asas seperti tanah, bekalan air, api dan kemudahan-kemudahan talikom tersedia untuk penubuhan industri-industri di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Bantuan khas kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang kurang maju untuk menggalakan dan menubuhkan projek-projek perindustrian, terutama dengan mengadakan seminar-seminar pelaburan di peringkat negeri dan menyediakan projek yang sesuai di kawasan yang kurang maju akan diwujudkan Bersabit dengan ini Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan telah mempergiatkan lagi usaha-usahanya dengan menubuhkan pejabat-pejabat wilayah di negeri-negeri Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak.

KESIHATAN DI KAMPUNG-KAMPUNG BARU

4. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar keadaan kesihatan di kampung-kampung baru adalah amat buruk terutamanya sistem parit dan longkang yang

tidak berjalan; jika ya, apakah langkah-langkah segera Menteriannya akan mengambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Mohd. Zahari bin Awang): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar di beberapa kampung-kampung baru ada terdapat sistem pengairan yang kurang memuaskan dan langkah-langkah yang tertentu telah diambil oleh badan-badan Kerajaan untuk memperbaiki keadaan sistem pengairan serta jalan-jalan di kawasan-kawasan kampung baru yang berkenaan itu.

Di dalam Rancangan Malaysia Kedua sejumlah kira-kira \$7,549,328 atau 77% dari jumlah peruntukan yang ada di bawah Kementerian saya telah diluluskan untuk projek-projek sistem pengairan dan jalan-jalan di sekitar kawasan kampung-kampung baru. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan akan memberi lebih peruntukan kepada sistem pengairan di kampung-kampung tersebut termasuk kampung-kampung baru, di mana sistem itu terdapat masih kurang memuaskan.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tugas-tugas membaiki keadaan sesebuah kampung tidak boleh ditanggung oleh Kerajaan sahaja, bahkan memerlukan kerjasama rakyat jua. Semua badan-badan Kerajaan, seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Pengairan dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, ada rancangannya sendiri untuk memperbaiki keadaan yang kurang memuaskan itu. Kita telah diberitahu oleh Kementerian Kesihatan bahawa Menteriannya itu telah mencadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk meluaskan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar seperti berikut:

- (i) Pusat-pusat Kesihatan Besar;
- (ii) Menaikkan taraf Pusat Kesihatan Kecil ke Pusat Kesihatan Besar;
- (iii) Menukarkan Klinik-klinik Bidan ke Klinik Desa; dan
- (iv) Membina Klinik-klinik Desa yang baru.

Dengan adanya rancangan-rancangan tersebut di atas dan projek-projek kecil yang dikendalikan oleh Kementerian saya, adalah dijangka keadaan kawasan kampung-kampung baru akan bertambah baik di masa-masa hadapan.

SAUDAGAR MEMBANTU ANASIR SUBVERSIF

5. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar bahawa ada saudagar-saudagar yang membantu anasir-anasir subversif dalam kegiatan anti-nasional mereka, dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar mengatakan ada saudagar-saudagar yang membantu anasir-anasir subversif dalam kegiatan anti-nasional mereka. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat ada keterangan-keterangan, silalah Yang Berhormat itu sampaikan kepada Kementerian ini untuk tindakan yang sewajarnya.

PEMBATIK BUMIPUTRA DI TRENGGANU

6. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa pembatik-pembatik Bumiputra di Trengganu sedang menghadapi masalah untuk mendapatkan lilin, caustic soda dan kain putih bagi perusahaan mereka dan jika ya, nyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah ini.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang masalah Yang Berhormat timbulkan itu. Menyentuh tentang pembekalan kain puteh, Syarikat KIMA Sdn. Bhd. (sebuah anak syarikat MARA) telah membuat rancangan untuk melicinkan lagi pembekalannya ke negeri-negeri Pantai Timur dengan melantik beberapa orang pengedar tempatan.

Menyentuh tentang pembekalan lilin dan caustic soda, sejak beberapa tahun dahulu pembekalan ini didapati oleh pembatik-pembatik negeri Kelantan dan Trengganu melalui pembekal-pembekal tempatan. MARA tidak mengambil bahagian di dalam pembekalan ini disebabkan beberapa perkara iaitu pembatik-pembatik tidak sanggup menjadi pelanggan tetap bagi MARA membekalkan barang-barang ini. Pembatik-pembatik hanya menimbulkan masalah ini apabila

harga barang-barang ini di pasaran melambung tinggi, dan mengharapkan MARA untuk memberi bekalan. Tetapi apabila harga di pasaran yang dibekalkan oleh pembekal-pembekal swasta lebih murah maka mereka akan mendapatkan bekalan ini dari swasta pula. Oleh itu, MARA hanya sanggup mengadakan bekalan sekiranya pembatik-pembatik sanggup menjadi pelanggan tetap kepada MARA bagi mendapatkan bahan-bahan ini. Masalah ini memang boleh diselesaikan sekiranya ada kerjasama terutamanya dari pihak pembatik-pembatik sendiri. Pada masa ini MARA ada juga membekalkan bahan-bahan ini kepada sebilangan kecil pembatik-pembatik yang merupakan "traditional client" kepada MARA dan membeli bahan-bahan tersebut daripada MARA samada harganya lebih murah atau mahal daripada harga-harga di pasaran.

UNDANG-UNDANG BURUH

7. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau bercadang hendak mengkaji semula undang-undang buruh di negara ini memandangkan keadaan dan kepentingan buruh dari satu masa ke satu masa; jika ya, bila.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dinyatakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, Undang-undang Buruh ada sentiasa dikaji semula supaya ia sejajar dengan peredaran masa. Ahli Yang Berhormat tentu ingat bahawa di dalam persidangan Dewan ini pada bulan Jun, 1975 beberapa pindaan kepada Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 telah diluluskan. Di dalam Persidangan Dewan kali ini pindaan-pindaan kepada Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 dan Ordinan Pekerjaan, 1955 telah diluluskan. Lain-lain undang juga adalah dikaji dan jika perlu pindaan akan dibuat dari semasa ke semasa.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan adakah Kementerian beliau memberi pertimbangan untuk mengadakan satu undang-undang atas masalah-masalah buruh-buruh kontrek dalam kajian?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dan jawapan atas soalan ini telah diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat di dalam persidangan ini.

PERKAMPUNGAN LAMA DIMAJUKAN

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Kementerianya memandang bahawa usaha memajukan perkampungan-perkampungan lama yang terbiar dan mundur di kawasan-kawasan pendalaman dan terpencil adalah salah satu bidang usaha yang terpenting di saat ini; jika ya, adakah rancangan ini akan dilakukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa usaha memajukan perkampungan di Malaysia samada lama atau baru, adalah satu daripada tanggungjawab yang terpenting pada masa ini. Untuk makluman Yang Berhormat, masala-masala yang dihadapi oleh satu-satu perkampungan itu berbeza dan berbagai corak. Oleh yang demikian, objektif untuk memajukan perkampungan tersebut tidak seharusnya menjadi tanggungjawab Kementerian saya sahaja, malahan menjadi tanggungjawab bersama ejensi-ejensi Kerajaan yang lain termasuklah yang berkaitan dengan industri-industri, perdagangan, kesihatan, pelajaran, kebajikan, Kerja-kerja Awam (Public Works) pengairan (drainage), pertanian dan sebagainya.

Sebagai yang telah diuraikan di dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga, usaha-usaha Kerajaan bagi memajukan perkampungan-perkampungan adalah secara menyeluruh, di samping layanan-layanan tertentu diberi kepada kawasan-kawasan yang dianggap memerlukannya. Dalam keadaan terkemudian ini Kementerian saya juga memainkan peranannya, terutama di kampung-kampung yang sedang mengalami masalah keselamatan iaitu ada di antaranya yang masih terbiar dan mundur.

Saya suka meminta Ahli Yang Berhormat itu supaya mengundi bersama-sama dalam Dewan ini untuk meluluskan peruntukan \$19 juta untuk kemajuan perkampungan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soal asal ialah adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan sedar bahawa usaha memajukan perkampungan lama adalah terbiar. Adakah beliau sedar atau tidak?

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian saya sedar ada setengah-setengah kampung yang terbiar dan lama tidak mendapat bantuan dan sebagainya. Dalam Rancangan Malaysia Kedua terdapat 360 buah kampung-kampung baru yang telah mendapat bantuan dan masih ada lagi sebanyak 105 buah yang masih terbiar dan belum mendapat bantuan daripada Kementerian saya. Pihak Kementerian ini telah menubuhkan satu Jawatankuasa yang diketuai dan dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri untuk mengkaji dalam aspek-aspek sosio-ekonomi dan juga aspek-aspek keselamatan. Selain daripada itu, dalam bulan September, 1974 Kementerian saya setelah ditubuhkan juga bekerjasama dengan pihak Pejabat Kemajuan Negeri bagi menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung untuk mengkaji aspek-aspek, layanan-layanan kepada kampung-kampung yang terbiar.

LEMBAGA PELAWAT DI HOSPITAL-HOSPITAL

9. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa ramai ahli-ahli Lembaga Pelawat di Hospital-hospital di negara ini:

- (a) tidak menjalankan tugas dengan sewajarnya, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menjaga perhubungan baik di antara orangramai dengan pihak hospital; dan
- (b) telah meninggal dunia dan setengahnya telah berpindah ke tempat lain dan ada setengahnya mereka tidak sesuai untuk dilantik menjadi ahli Lembaga Pelawat itu oleh kerana mereka tidak menjalankan tugasnya dengan sewajarnya, dan jika ya, adakah beliau bercadang untuk mengkaji semula perlantikan ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital sekarang di seluruh negara.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) dan (b) saya memberitahu bahawa Kementerian saya sedang menyemak dan mengkaji semula perlantikan ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital di seluruh negara ini bagi tempoh 1976-1978 dengan tujuan memperkemarkan lagi serta mendorong Ahli-ahli yang dilantik untuk memberi sumbangan tenaga sukarela dan teguran-teguran yang membina demi kecekapan dan kelicinan Lembaga Pelawat Hospital tersebut. Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Undangan Negeri juga akan dilantik untuk menduduki Lembaga tersebut. Kementerian saya juga akan mengedarkan "Peraturan-peraturan untuk Panduan Lembaga Pelawat Hospital" yang menjelaskan tugas-tugas dan fungsi Lembaga Pelawat Hospital kepada tiap-tiap ahli yang dilantik supaya mereka sedar akan tanggungjawab dan peranan mereka. Usaha menyemak semula keahlian Lembaga Pelawat Hospital di seluruh negara ini dijangka selesai dalam bulan September ini.

CALUN BUMIPUTRA DI MAKTAB TENTERA

10. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sebab-sebab anak Bumiputra tidak lagi tertarik hati hendak memasuki tentera seperti yang disiarkan di akhbar baru-baru ini;
- (b) samada beliau sedar bahawa sebab-sebab berlaku demikian kerana ada diskriminasi terhadap anak-anak Melayu dalam jurusan sains di Maktab Tentera; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa ada di antara anak Melayu yang telah tamat berlatih sebagai Pegawai telah dibuang dengan sebab-sebab kesihatan yang diberi oleh doktor, padahal mereka beberapa hari lagi akan menerima tauliah sebagai pegawai.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebenarnya kesulitan yang dihadapi adalah hanya untuk mendapatkan calon-calon bumiputra yang mempunyai kelulusan akademik yang baik

di bidang sains untuk memasuki cawangan-cawangan teknikal dalam Angkatan Tentera. Masalah ini adalah dihadapi oleh kerana kekurangan bilangan calon-calon bumiputra yang berkelulusan baik di bidang sains dan pelbagai peluang yang terbuka bagi mereka yang mempunyai kelulusan-kelulusan yang dimaksudkan itu. Kementerian Pertahanan terpaksa bertanding dengan pelbagai Jabatan/sektor yang lain untuk mendapatkan calon-calon yang sesuai.

- (b) Tidak ada diskriminasi yang dilakukan terhadap anak-anak Melayu di Maktab Tentera di-Raja. Segala galakan dan peluang adalah dibagi bagi mereka untuk memasuki jurusan sains. Dewasa ini, lebih dari 80 peratus daripada penuntut-penuntut jurusan tersebut adalah terdiri dari bumiputra.
- (c) Saya memang sedar berkenaan perkara yang dibangkitkan ini. Kedet-kedet yang terlibat ialah kedet kanan Muhamad Ali bin Haji Hussein dan Pegawai Kedet Zainuddin bin Ismail. Mereka didapati mengidapi penyakit jantung (heart lesion) semasa pemeriksaan perubatan sebelum penauliahan dijalankan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada, pemeriksaan perubatan mestilah dijalankan ke atas semua pegawai kedet sebelum mereka ditauliahkan. Hanya mereka yang mempunyai taraf kesihatan yang memuaskan boleh ditauliahkan untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera. Mereka yang tidak dapat memenuhi syarat ini terpaksa diberhentikan.

Kes kedua-dua pegawai kedet yang tersebut tadi telahpun dirujukkan kepada pihak Universiti Hospital untuk pemeriksaan lanjut oleh pakar-pakar di sana. Kedua-dua pegawai kedet yang terlibat itu masih belum diberhentikan dari Angkatan Tentera.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi mengatakan bahawa kekurangan anak-anak Melayu dalam bidang sains dan teknik yang hendak masuk tentera ini. Adakah Kementerian Pertahanan bercadang hendak membanyakkan lagi Maktab

Tentera selain dari yang ada di Sungai Besi itu dan dibuka di lain-lain negeri seperti negeri Kedah, Kelantan ataupun Trengganu?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, taraf Maktab Tentera sekarang ini ialah sebagai suatu institusi pelajaran dan bukannya khusus untuk melatih sebarang penuntut-penuntut untuk keperluan angkatan tentera. Jadi, pada masa ini peranan yang dimainkan oleh Maktab Tentera ini sendiri sedang dikaji oleh Kementerian Pertahanan untuk kemungkinan memenuhi keperluan-keperluan angkatan tentera.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pegawai yang terlibat tadi dibuang daripada pegawai tentera itu tetapi apabila dia masuk ke bahagian Polis kesihatannya baik dan boleh diterima? Bagaimanakah kedudukan atas perkara ini? Ini menunjukkan seolah-olah ada satu diskriminasi beberapa hari hendak dapat tauliah maka diakui kesihatannya tidak baik.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, dua orang pegawai yang berkenaan yang telah saya sebutkan tadi atas kes kesihatan mereka ini telahpun dirujukkan kepada satu badan yang bebas iaitu Universiti Hospital untuk benar-benar menentukan keadaan penyakit mereka ini dan daripada laporan yang akan diterima daripada pihak Universiti Hospital jikalau ada sebarang pertentangan pendapat maka perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat dipastikan kelak.

DOKTOR-DOKTOR

11. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah yang beliau sedang ambil bagi mengatasi kekurangan doktor-doktor di negara ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kekurangan doktor di negara ini sekarang tidaklah begitu runcing jika dibandingkan dengan keadaan pada tahun-tahun yang lepas. Kadar bilangan doktor dibandingkan dengan penduduk telah dapat diperbaiki daripada seorang doktor bagi 4,650 penduduk pada penghujung tahun

1971 kepada seorang doktor bagi 3,850 penduduk pada penghujung tahun 1975. Sekarang kita mempunyai 1,610 orang doktor dalam Perkhidmatan Kerajaan dan 1,210 orang doktor dalam perkhidmatan swasta. Untuk hendak menambah bilangan doktor yang berkhidmat di negara ini tindakan seperti berikut telah diambil:

- (a) Universiti Malaya sekarang ini mengambil lebih kurang 128 calon tiap-tiap tahun dan saya harap universiti ini akan dapat menambah pengambilan calon-calon itu daripada 128 kepada 160 orang pada tahun akan datang oleh kerana kemudahan-kemudahan untuk 160 calon itu telah disediakan. Selain daripada itu Universiti Kebangsaan pada tahun ini telah mengambil 160 orang calon;
- (b) Pengambilan doktor-doktor secara sementara atau secara kontrek dari negara asing lebih-lebih lagi mereka yang mempunyai pengalaman atau kepakaran yang tertentu diteruskan;
- (c) Seterusnya bagi meninggikan lagi mutu perkhidmatan doktor-doktor tempatan langkah telahpun diambil dengan menggalakkan kursus-kursus pendek, seminar dan lain-lain cara latihan yang patut. Doktor-doktor ini juga dihantar untuk mengambil kelulusan post graduate di Universiti Malaya dan juga pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri. Misalnya sekarang ini Universiti Malaya telah menganjurkan kursus-kursus bagi ijazah tinggi dalam kesihatan awam, ijazah tinggi dalam pathology dan ijazah tinggi dalam kaji jiwa. Seterusnya untuk mengelakkan pegawai-pegawai mengambil kelulusan tinggi secara persendirian selain daripada yang dihantar dengan biasiswa Kerajaan mereka dibenarkan mengambil cuti belajar tanpa gaji selama setahun untuk mengambil kelulusan ijazah yang lebih tinggi di luar negeri. Peperiksaan iktisas dalam beberapa bidang kepakaran telahpun diadakan di negara ini dengan kerjasama badan-badan ijazah luar negeri. Seperti sekarang ini diadakan peperiksaan Bahagian I bagi kelulusan M.R.C.P., F.R.C.S., F.F.A.R.C.S., M.R.C.O.G. dan M.R.C. Pathology, Peperiksaan Bahagian II ataupun Peperiksaan Akhir

bagi kelulusan F.R.C.S., F.F.A.R.C.S., dan M.R.C.O.G. juga telah diaturkan bagi dijalankan di Malaysia.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam jawapannya beliau berharap Universiti Malaya akan menambah pengambilan calun-calunnya di Fakulti Perubatan daripada 128 hingga 160 orang. Apa yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah mengapa beliau nyatakan beliau harap dan beliau tidak menjawab beliau atau Kerajaan akan menambah pengambilan calun-calun daripada 128 kepada 160 orang.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah saya jawab pada dua tahun yang lalu di mana kemudahan-kemudahan telah siap disediakan di Universiti Malaya untuk mengambil lebih calun-calun perubatan daripada 128 hingga 160 orang tetapi malangnya Universiti itu tidak mengambil tindakan dan sekarang saya harap Universiti yang berkenaan itu akan mengambil calun-calunnya daripada 128 hingga 160 orang oleh kerana kemudahan-kemudahan latihan untuk calun-calun perubatan ini telah siap disediakan dan dengan ini juga saya berharap Ahli Yang Berhormat ialah sebagai ahli Senate di Universiti Malaya, akan menyokong juga apa yang disebutkan oleh saya di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya keraguan Yang Berhormat ini tentang perkataan "harap". Dia hendakkan perkataan "mesti" atau tentu akan diambil tindakan. Ini jawapan yang dikehendaki.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya harap jikalau kita kata tentu sahaja, barangkali Universiti Senate tidak berapa puas hati dengan sikap diplomatic saya. Saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab berharap universiti itu akan melaksanakan apa yang saya cakap pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ialah macam doktor, bila dia cucuk ubat, dia tidak boleh kata mesti baik (*Ketawa*). Ada soalan tambahan lagi?

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Ber-

hormat Menteri yang berkenaan sedar Kementeriannya ada dua wakil di dalam Majlis Universiti Malaya iaitu Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Kesihatan? Bolehkah beliau mengarahkan kedua-dua pegawai yang tertinggi di dalam Kementeriannya untuk membangkitkan perkara ini dan saya boleh janji, saya akan menyokong sepenuh-penuhnya apa yang dibangkitkan oleh pegawai-pegawainya.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ketua Setiausaha Kementrian saya telah diberi arahan.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri dahulu ada menyebut bahawa kekurangan doktor ini dengan sebab banyak yang berhenti dan sebab-sebab berhenti itu ialah terms of service tidak begitu baik—layanan pada doktor tidak begitu baik. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang bahawa syarat kerja, term of service bagi doktor dikaji balik untuk memberi satu layanan yang lebih memuaskan?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya akan menjawab pada petang ini bila jawapan-jawapan yang diberikan oleh Menteri-menteri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat bersabar sedikit. Saya akan menjawab perkara ini.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri samada Kerajaan akan menimbangkan satu cara sebagaimana yang diamalkan di setengah-setengah Negeri di mana selain daripada doktor ada juga pekerja perubatan yang dinamakan Medical Assistant atau Pembantu Perubatan yang jangka latihannya pendek sedikit dan boleh membantu doktor-doktor untuk menjaga kelinik-klinik dan sebagainya supaya merengangkan beban yang ditanggung oleh doktor. Oleh sebab pada waktu sekarang ini kalau kita pergi di mana-mana kelinik penuh, ramai sangat orang, tetapi benda-benda yang hendak dijaga itu bukan benda-benda yang berkehendakkan specialist seperti specialist qualification, tetapi kudis sedikit, sakit sedikit, demam sedikit ataupun sekurang-kurangnya, adakah Kerajaan akan hidupkan kembali jenis pekerja

yang dinamakan hospital assistant dahulu sebelum perang yang menjaga kelinik-kinik di district di tempat yang kecil sehingga mendapat bantuan lebih berat daripada doktor yang mungkin boleh simpan orang ini, sebab dia tidak lagi pergi kerja seperti doktor yang lain. Doktor lain dia bekerja lima tahun, berhenti buka kelinik sendiri, tetapi orang yang jadi Hospital Assistants atau medical assistant terpaksa dia kerja selama-lamanya dan boleh tolong orang miskin sampai dia bersara.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian ini telah menubuhkan sebuah sekolah latihan untuk melatih Hospital Assistants di Seremban. Sekolah ini akan mengeluarkan lebih kurang 150 orang pelatih-pelatih setahun. Pelatih-pelatih ini dihantar di hospital-hospital serta juga pusat-pusat kesihatan besar dan pusat kesihatan kecil untuk menolong doktor-doktor yang berkenaan.

YUNIT RELA

12. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian ini sedar tentang kes-kes jenayah yang semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini di negara ini. Jika sedar, adakah Kementerian ini bercadang untuk memperbesarkan lagi yunit RELA serta melengkapkannya dengan senjata yang cukup, memberi latihan tentera kepada anggota-anggotanya dan diberi elaun kepada mereka apabila mereka menjalankan tugas meronda.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk memperbesarkan lagi yunit-yunit RELA; dan akan melengkapkan mereka dengan senjata di kawasan-kawasan yang difikirkan mustahak. Mereka juga akan diberi latihan tentera sedikit-sebanyak yang sesuai dengan cara-cara kawalan kampung.

Untuk menjaga kampung halaman ahli-ahli RELA tidak dibayar apa-apa elaun, tetapi jika mereka diberi tugas-tugas khas di luar kawasan kampung mereka, perkara pembayaran elaun ini mungkin boleh dipertimbangkan mengikut keadaan dan tugas mereka itu.

BUKU HIJAU

13. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Pertanian:

- (a) samada Kempen Buku Hijau yang dilancarkan beberapa tahun dahulu telah gagal; dan
- (b) samada benar negara kita masih belum mencapai 100% kecukupan hasil padi.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Soalan yang serupa ini telah dijawab pada 7-7-76 tatkala Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah lagi jawapan saya.
- (b) Benar. Negara kita sekarang hanya berupaya mengeluarkan 82% beras daripada keperluan Negara.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak orang yang tidak ada tanah dan juga yang berpendapatan rendah hendak mengambil bahagian dalam rancangan Buku Hijau, tetapi tidak dapat peluang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang dalam rancangan Buku Hijau peringkat yang kedua memberi tanah kepada orang yang tidak ada tanah terutama mereka dari estet-estet dan kampung-kampung baru supaya mereka dapat peluang mengambil bahagian dalam rancangan itu.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Saya ambil perhatian dalam perkara ini.

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa projek Buku Hijau itu pasti sudah menjadi amalan rakyat. Kalau belum, apakah cadangan Kementerian untuk langkah yang positif dalam perkara ini?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Saya minta notis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Mengikut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi hasil padi dalam negara kita sekarang ini mencapai 82% sahaja. Bolehkah

Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini bilakah anggaran Kementerian yang berkenaan bahawa negara kita ini akan dapat mengeluarkan hasil padi 100%.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, mungkin dalam masa lima atau enam tahun. Sebab pada masa sekarang negara kita hendak menjalankan kemajuan dan meluaskan tanah-tanah untuk menanam padi dua kali setahun.

PESAKIT-PESAKIT HOSPITAL

14. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Kesihatan:

- (a) adakah benar bahawa dari sungutan-sungutan pesakit-pesakit hospital bahawa makanan yang dibekalkan kepada mereka adalah kurang mutu dan ada kalanya kurang daripada makanan-makanan yang dijadualkan dalam senarai yang sepatutnya, jika ya, di hospital manakah perkara ini berlaku dan apakah tindakan telah diambil; dan
- (b) samada pada tiap-tiap barang-barang makanan dihantar oleh pembekal disiasat untuk menentukan bahawa makanan yang dihantar itu baik keadaannya, mutunya serta cukup, jika ya bagaimanakah perkara kehilangan atau kekurangan ini boleh disungutkan oleh pesakit-pesakit dan samada penyiasatan telah dibuat di tiap-tiap hospital untuk mengelakkan kekurangan ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tidak. Makanan yang dibekalkan kepada pesakit-pesakit adalah sentiasa dikawal mutunya dan adalah cukup mengikut jadual sukatan makanan yang ditentukan. Jika Ahli Yang Berhormat dapat menyatakan dengan khususnya di hospital manakah kejadian yang seumpama itu berlaku, Kementerian saya tidak akan teragak-agak untuk menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya.
- (b) Ya, semua barang-barang makanan yang dibekalkan ke tiap-tiap hospital oleh pembekal-pembekal adalah di-

periksa untuk menentukan bahawa barang-barang makanan itu baik mutunya serta bilangan atau timbangannya betul. Pemeriksaan ini dijalankan oleh mereka yang ditentukan seperti Penyelia Jenis Makanan, Penyelia Jururawat, Ketua Jururawat dan Pembantu-pembantu Hospital yang bertugas di Bahagian Makanan Hospital. Penguasa Perubatan/Pegawai Perubatan yang menjaga hospital berkenaan juga membuat pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa. Mana-mana barang makanan yang tidak baik mutunya adalah ditolak dan pembekal-pembekal diminta menggantikannya. Saya sendiri ada juga membuat pemeriksaan mengejut ke atas barang-barang makanan yang dibawa ke hospital oleh pembekal-pembekal dari masa ke semasa dan saya akan terus melakukan pemeriksaan sedemikian.

PEMBANTU-PEMBANTU HOSPITAL

15. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau bercadang hendak mengemukakan undang-undang untuk mendaftarkan semua pembantu-pembantu hospital sebagaimana yang telah dibuat kepada bidan-bidan, jururawat dan doktor. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bagi pendaftaran Pembantu-pembantu Hospital telahpun diluluskan untuk bacaan kali pertama dalam Parlimen pada 5hb Julai, 1976.

PENOLONG KANAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

16. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bilangan 3/76 dan Bilangan 4/76 itu didapati masih ada Sekolah-sekolah yang tidak layak untuk Penolong Kanan, jika sedar adakah beliau bercadang hendak mengkaji semula kedudukan Gred-gred Sekolah-sekolah yang layak untuk Penolong Kanan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Kementerian Pelajaran sedang menyemak semula kedudukan gred-gred sekolah

termasuk jawatan-jawatan Penolong Kanan patut diadakan di sekolah-sekolah yang belum dibekalkan dengan jawatan tersebut.

JALANRAYA TAMPARULI KE RANAU

17. Tuan Buja Gumbilai minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada pembinaan jalanraya dari Tamparuli ke Ranau dapat dimulakan pada tahun 1976.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangka pembinaan jalanraya dari Tamparuli ke Ranau akan dimulakan pada awal tahun 1977.

PEMAJU PERUMAHAN PERSENDIRIAN

18. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak kawasan perumahan dalam Wilayah Persekutuan tidak mempunyai padang-padang permainan kanak-kanak yang dijaga dengan baik, jika sedar, nyatakan samada Kementeriannya akan memaksa pemaju-pemaju perumahan persendirian untuk memenuhi tanggungjawab mereka kepada pembeli-pembeli rumah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa banyak kawasan perumahan dalam Wilayah Persekutuan tidak mempunyai padang-padang permainan kanak-kanak yang dijaga dengan baik.

Mengenai perkara ini Dewan Bandaraya telahpun mengambil tindakan dan langkah-langkah tertentu, di mana dalam rancangan-rancangan perumahan yang dikemukakan kepada Dewan Bandaraya, syarat-syarat telah dikenakan oleh Perintah Pembangunan bahawa pemaju-pemaju dikehendaki memaju dan menyerahkan tanah-tanah yang diperuntukkan untuk kawasan-kawasan lapang kepada Dewan Bandaraya yang akan menyelenggarakan apabila diserahkan kepada Kerajaan.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Undang-undang Kecil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pemaju-pemaju mestilah membina padang permainan

dan kemudahan-kemudahan mengikut taraf Dewan Bandaraya tetapi untuk menjaga dengan baik padang permainan itu ialah tanggungjawab Bandaraya. Oleh itu, apakah tindakan diambil oleh Kementerian meneliti supaya Dewan Bandaraya menjaga dengan baik rancangan perumahan yang sudah disempurnakan.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bergantung kepada sungutan-sungutan yang kita dapat dan saya boleh memberi jaminan apabila kita menerima sungutan (complaint) macam itu tindakan yang cepat boleh diambil oleh Dewan Bandaraya.

Tuan Farn Seong Than: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang mengeluarkan arahan kepada Dewan Bandaraya untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas kepada estet-estet perumahan dalam Wilayah Persekutuan jika housing developers enggan mematuhi syarat-syarat ini.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, satu tindakan yang boleh diambil oleh Dewan Bandaraya kepada pemaju-pemaju swasta yang tidak mematuhi kepada syarat-syarat yang kita kenakan dalam kontrak itu ialah barangkali kita tidak mahu beri occupation certificate kepada pemaju-pemaju itu.

PELACUR

19. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kebajikan Am menyatakan bilangan pelacur yang telah dapat dipulihkan bagi lima tahun kebelakangan hingga hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren): Tuan Yang di-Pertua, perkataan "pelacur" ini sangatlah luas maknanya.

Pada umumnya wanita-wanita dan gadis-gadis yang dimasukkan ke Pusat-pusat Perlindungan di bawah Kementerian saya adalah terdiri daripada mereka yang berumur 21 tahun ke bawah yang dipercayai oleh Mahkamah memerlukan perlindungan oleh keran-terdedah kepada bahaya moral.

Bilangan wanita-wanita dan gadis-gadis yang telah dipulihkan di kedua buah Pusat Perlindungan yang ditadbir oleh Kementerian saya di Cheras dan di Kuala Trengganu dalam tempoh masa dari 1hb Januari 1971 hingga akhir bulan Jun 1976 ialah seramai 807 orang.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selepas pelacur-pelacur ini dipulihkan ke manakah mereka dihantar?

Tuan Patrick Anek Uren: Balik ke rumah masing-masing. (*Ketawa*).

UNDANG-UNDANG BURUH

20. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada undang-undang buruh di Malaysia ini benar-benar diikuti oleh semua pengusaha-pengusaha kilang yang mendapat taraf perintis.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya sedar, semua tempat-tempat kerja termasuk syarikat-syarikat yang diberi taraf perintis adalah mematuhi Undang-undang Buruh yang berkuatkuasa sekarang. Walau bagaimanapun jika Ahli Yang Berhormat itu mengetahui ada syarikat-syarikat yang tidak mematuhi Undang-undang itu, sukacita saya meminta Ahli Yang Berhormat itu supaya berhubung dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat supaya perkara tersebut dapat disiasat.

SYARIKAT SRI ALAM SENDIRIAN BERHAD

21. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar bahawa sebuah Syarikat bernama Sri Alam Sendirian Berhad telah mewartakan dalam beberapa suratkhabar tempatan pada pertengahan tahun 1975 dan awal tahun 1976 bahawa Syarikat itu ada tanah tapak rumah untuk dijual di Bangi, Dengkil, Serdang Bahru dan Shah Alam dan ramai orang telah membuat tempahan untuk membeli tanah-tanah itu dengan membayarkan \$360 bagi setiap tempahan, dan wang tempahan itu telah tidak dikembalikan apabila bakal-bakal pembeli menarik diri; jika sedar, apakah

tindakan yang telah atau akan diambil untuk mendapatkan pembelaan bagi bakal-bakal pembeli yang telah dipermainkan itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, adapun perkara yang diiklankan oleh Syarikat Sri Alam Sendirian Berhad sebagai yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalnya itu, ialah:

- (i) mempelawa orang ramai menempah dan membeli tanah kononnya untuk tapak rumah; dan
- (ii) tanah-tanah yang berkenaan itu adalah tanah untuk pertanian dan belum layak digunakan sebagai tapak perumahan menurut perbekalan tertentu di bawah Kanun Tanah Negara.

Oleh sebab perkara itu ialah tanah (yang melibatkan Kanun Tanah Negara) dan bukannya kemajuan perumahan (yang melibatkan Akta (Mengawal & Melesen) Pemaju Perumahan) maka perkara tersebut adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan saya diberi faham bahawa perkara pengiklanan dan transeksi-transeksi yang berikutan daripada itu adalah dalam perhatian Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kepada Dewan ini adakah Syarikat Sri Alam Sendirian Berhad telah minta Kerajaan Negeri untuk menukar syarat tanah dan memecah lot-lot tanah itu.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Sri Alam Sendirian Berhad adalah sebuah syarikat bumiputra yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat dan telah diberi lesen sebagai pemaju perumahan oleh Pengawal Perumahan di bawah Akta (Mengawal dan Melesen) pemaju perumahan tahun 1966.

Dalam bulan Disember, 1975, lesen tersebut adalah terhad kepada kemajuan perumahan di atas dua keping tanah iaitu Lot 570 Mukim Setapak, Selangor dan Lot 1233 Mukim Batu Bul, Kuala Trengganu. Kedua-dua lot yang tersebut adalah tanah yang layak digunakan untuk perumahan menurut Kanun Tanah Negara. Sebagai pemaju perumahan yang berlesen Syarikat

tersebut bertanggungjawab kepada Kementerian saya mengenai kemajuan-kemajuan perumahan di atas dua keping tanah itu. Walau bagaimanapun, mengenai dengan tindakan Kerajaan Negeri memang Kerajaan Negeri pun menarik perhatian kepada syarikat-syarikat yang saya sebutkan itu tadi.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi:

- (1) Bukankah sah bahawa Undang-undang Kawalan Pemajuan Perumahan yang ada ini nampaknya ada kekurangan dan beberapa kelemahan yang patut diperketatkan?
- (2) Bukankah ada juga lain-lain syarikat semacam ini bukan sahaja di sini di beberapa buah negeri yang telah menjalankan amalan semacam ini yang telah menimbulkan masalah ini?
- (3) Bukankah benar di tengah-tengah Kuala Lumpur ini sendiri ada syarikat yang besar seperti Selangor Properties yang telah menjual rumah dengan mengambil wang orang sehingga hari ini belum memberi geran kepada orang sehingga tidak dapat orang itu menegotiate ataupun menjual beli ataupun meminjam wang dari seseorang. Bukankah itu juga satu kelemahan yang mesti dijaga dan patut diambil tindakan untuk mengubah Undang-undang ini untuk mempertahankan pengguna-pengguna?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cadangan mengemukakan Undang-undang itu iaitu pihak Kerajaan mempunyai cadangan supaya khasnya Kementerian saya untuk memperketatkan lagi Undang-undang yang ada. Mengenai dengan apa yang disoal oleh Yang Berhormat itu, butir-butir cadangan ini akan diumumkan pada masa yang akan datang.

Soalan yang kedua dan yang ketiga itu saya minta notis daripada Ahli Yang Berhormat.

TANGGAGAJI BARU ANGGOTA TENTERA

22. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah gaji

baru akan dibayar kepada Anggota-anggota Pasukan Keselamatan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, tanggungaji baru bagi anggota-anggota tentera adalah masih dalam peringkat kajian. Buat sementara ini, walau bagaimanapun, Kerajaan sedang membayar elaun interim sebagai tambahan kepada gaji yang diterima sekarang oleh anggota-anggota lain-lain pangkat.

PEMBEKAL MAKANAN ANGKATAN TENTERA

23. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Pertahanan menyatakan tindakan yang diambil ke atas pemborong atau pembekal yang curang dalam membekalkan makanan kepada tentera kita seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri baru-baru ini.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, hasil dari kajian yang telah dijalankan sehingga sekarang adalah didapati bahawa sistem pembelian dan penerimaan bekalan makanan bagi Angkatan Tentera adalah mempunyai beberapa kelemahan. Dengan itu, saya berasa berat untuk menuduh mana-mana pihak pada masa ini di dalam perkara ini. Segala tindakan adalah sedang diambil bagi memperbaiki sistem yang ada pada keseluruhannya, termasuklah masalah-masalah penerimaan, syarat-syarat kontrak atau contract specification, pemeriksaan penilaian mutu, kakitangan dan pentadbiran kakitangan dan penguatkuasaan.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) saya bangun untuk mendapat kebenaran Dewan ini untuk mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan mengenai tumpahan minyak dekat pantai Johor.

- (1) "Bahawa perkara ini adalah tertentu kerana tumpahan minyak di Selat Melaka pada hari Sabtu yang lalu akibat pelanggaran kapal tangki

minyak Filipina Diego Silang yang beratnya 100,000 tan dengan dua kapal yang lain telah melanda Pantai Johor;"

- (2) "Bahawa perkara ini adalah kepentingan orangramai kerana ianya akan mencemarkan air dan mengancamkan ekoloji dan perusahaan pelancungan akibat pencemaran pantai-pantai kita;"
- (3) "Bahawa perkara ini adalah satu perkara yang berkehendak disegerakan kerana ianya secara langsung menjejaskan dan mengancam mata pencarian nelayan-nelayan kita yang tinggal di sepanjang Pantai Johor."

Sekian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima pemberitahuan atau permintaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar hendak minta supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membincang satu perkara sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Mengikut peraturan yang tertentu dan Peraturan Majlis Mesyuarat mesti ada tiga pati yang mustahak iaitu hendaklah Yang di-Pertua puas hati.

- (i) Perkara tertentu.
- (ii) Perkara yang hendak disegerakan; dan
- (iii) Perkara yang berkenaan dengan kepentingan orangramai.

Setelah saya menimbangkan permohonan ini dengan telitinya, saya bersetuju perkara ini adalah perkara yang tertentu, oleh kerana tumpahan minyak yang diberitahu tadi berlaku di Selat Melaka akibat pelanggaran kapal-kapal tangki minyak yang tertentu. Saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu bahawa perkara ini ialah kepentingan untuk orangramai oleh kerana pencemaran air akan mengancam ekoloji mata pencarian nelayan dan perusahaan pelancungan negara.

Setelah saya kaji dan siasat lagi pada pagi ini, selepas saya terima permintaan ini, saya telah diberi faham bahawa pada masa ini segala daya-usaha sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi perkara ini dan Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sendiri telah memaklumkan kepada saya iaitu kedudukannya sekarang adalah terkawal.

Pertamanya, sudah dikawalkan merebaknya minyak itu ke pantai, dua batu jaraknya dengan mangrove swamp, di tempat anak-anak ikan membiak.

Keduanya, pihak Tentera Laut Di-Raja Malaysia telah mendirikan boom atau pagar di atas air di keliling kapal minyak yang pecah itu supaya minyak itu tidak boleh keluar lagi daripada kawasan di dalam boom itu. Jadi, oleh kerana itu saya berpendapat perkara ini tidak perlulah kita bincangkan sekarang. Oleh itu, saya menolak permohonan Yang Berhormat itu.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PELANTAR BENUA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pelantar Benua, 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara; meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi perlaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 25, tahun 1976. Bahawa dalam meluluskan

Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka, mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu-padu, aman damai, saksama, maju dan kukuh. (26hb Julai, 1976).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai daripada hari ini dan jikalau tidak sempat dihabiskan hari ini sehingga hari esok, Yang Berhormat Menteri-menteri daripada pihak Kerajaan akan memberi jawapan pada apa-apa teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan kita selama beberapa hari yang lepas yang bersangkutan-paut dengan Rancangan Malaysia Ketiga. Saya jemput Yang Berhormat Menteri-menteri.

3.30 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Rancangan Malaysia Ketiga mengandungi dasar-dasar, program-program dan projek-projek yang begitu inpresif dan juga comprehensive bagi lima tahun yang akan datang. Di bawah rancangan ini, program-program bagi pengawalan alam sekitar tidak ketinggalan diberi keutamaan dengan membentangkan rancangan-rancangan yang lebih teratur dan berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dalam aktiviti-aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, dan juga mengemukakan cadangan-cadangan yang membina.

Pendapat-pendapat yang telah disuarakan oleh ahli-ahli Yang Berhormat mahupun di Dewan yang mulia ini, ataupun di luar telah diambil ingatan dan akan ditimbangkan untuk pelaksanaan sejauh mana peruntukan wang dan kedudukan kakitangan-kakitangan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Matang, Permatang Pauh dan Setapak yang telah menegaskan betapa penting Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya mempunyai cukup kakitangan untuk menampung beban kerja yang begitu luas dan berat.

Bilangan 53 orang yang telah disebut itu ialah jumlah bagi bukan sahaja pegawai-

pegawai tetapi juga kakitangan-kakitangan lain. Ini bermakna pegawai-pegawai teknikal dan profesyenal cuma 21 orang sahaja.

Apa yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuhi soal pokok programme kawalan Alam Sekitar secara rancangan (Planned Environmental Programme).

Seperti yang saya telah terangkan dalam masa soal-jawab, programme seperti itu memerlukan kajian yang menyeluruh mengenai parameter dan punca-puncunya sebelum tindakan-tindakan yang berkesan dan efektif bagi kawalan dapat dikemukakan dan dilaksanakan. Standard-standard kawalan yang sesuai hendaklah diciptakan berdasarkan kepada ukuran sebenar-benarnya. Masaalah yang dihadapi ini mengambil masa oleh kerana ia bukan sahaja melibatkan kerja-kerja teknikal tetapi juga keputusan-keputusan tadbiran atas soal rumit mengenai sifat tekno-ekonomik bagi perusahaan yang tertentu.

Mengenai kawasan yang telah disebutkan oleh wakil dari Permatang Pauh, saya ingin menyatakan bahawa kawasan itu telahpun dianggap oleh Bahagian Alam Sekitar sebagai salah satu kawasan utama untuk menjalankan kajian-kajiannya. Di sini saya suka menambah bahawa kajian-kajian, dengan kerjasama rapat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Kampung Kuala Juru dan kawasan perusahaan Prai telahpun bermula pada 5hb Julai.

Hasil kajian itu, perakuan-perakuan akan dibuat dengan kadar segera untuk mengatasi masaalah-masaalah pencemaran. Kajian seperti itu akan juga dijalankan di lain-lain negeri.

Saya ingin juga menarik perhatian bahawa kajian-kajian tidak dapat dijalankan serentak di semua negeri tetapi usaha dan kerja-kerja terpaksa ditumpukan secara berperingkat-peringkat berdasarkan kepada betapa seriousnessnya masaalah pencemaran yang dialami oleh penduduk-penduduk di satu-satu kawasan-kawasan yang tertentu.

Bagi menjawab teguran yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun, saya ingin menegaskan bahawa Instituit Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), sememangnya sudah ada hubungan rapat dengan organisasi-organisasi penyelidikan yang lain. Pada satu ketika

wakil-wakil dari MARDI, R.R.I. dan universiti-universiti menjadi ahli jawatankuasa Majlis SIRIM untuk mengawasi supaya semua rancangan dan perjalanan aktiviti-aktiviti SIRIM tidak serupa dengan apa yang sedang dibuat oleh lain-lain organisasi penyelidikan. Misalnya, MARDI dan SIRIM bersefahaman bahawa SIRIM cuma akan menjalankan aktiviti-aktiviti memproses bahan pertanian di peringkat "post-harvest", iaitu menyambung kerja-kerja yang ditinggalkan oleh MARDI di peringkat menuai. Pada masa ini SIRIM sedang menjalankan projek bersama dengan R.R.I. mengenai penggunaan kayu getah di dalam struktur pembinaan. SIRIM menitikberatkan senibina dan menguji kekuatan struktur, manakala R.R.I. mengawit dan menyediakan kayu getah.

Bekas Pengarah MARDI, Datuk Dr Anuwar Mahmud dan Pengarah R.R.I. sekarang, Tuan Haji Ani Arope, telah menjadi ahli jawatankuasa di dalam Majlis SIRIM atau dulunya NISIR.

Seterusnya, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa semua projek-projek penyelidikan SIRIM adalah dikaji dengan teliti dan kemudian diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan SIRIM. Satu daripada kriteria untuk meluluskan satu-satu projek penyelidikan ialah sumbangannya terhadap daya pengeluaran sektor perindustrian. Oleh yang demikian, kebanyakan projek penyelidikan adalah dengan secara langsung akan membawa hasil. Walau bagaimanapun, ada juga setengahnya membawa hasil dengan secara tidak langsung atau berkemungkinan akan berhasil. Misalnya, projek-projek mengawal mutu boleh disalahsangkakan bahawa ia menyekat daya pengeluaran kilang, walhal dengan secara tidak langsung kawalan mutu akan menolong memperbaiki pasaran bahan-bahan pengeluaran, dan mengakibatkan tuntutan yang lebih banyak terhadap bahan-bahan pengeluaran ini. Untuk mengisi tuntutan-tuntutan ini kilang terpaksa mengeluarkan lebih banyak. Dengan lain perkataan, daya pengeluarannya akan bertambah.

Bagaimanapun, teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah dimaklumi oleh pihak pengurusan SIRIM dan segala daya usaha akan dibuat untuk mengikut cadangan-cadangannya.

3.48 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengulung perbincangan Rancangan Malaysia Ketiga mengenai rancangan-rancangan kesihatan, saya suka menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan telah menitikberatkan penyebaran perkhidmatan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar di mana dahulunya kemudahan-kemudahan kesihatan kurang jika dibandingkan dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam bandar. Dalam pada itu, saya suka hendak menegaskan di sini kemudahan-kemudahan dalam bandar juga diperbaiki dan dimajukan. Tekanan yang diberi untuk meninggikan mutu perkhidmatan di kawasan luar bandar ini akan terus diperhebatkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga di mana Kementerian saya telah mencadangkan perbelanjaan sebanyak \$350,000,000 bagi tempoh 5 tahun Rancangan ini.

Misalnya, Kementerian berusaha mempertingkatkan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar dengan membanyakkan lagi Pusat Kesihatan Besar di mana akan ditempatkan seorang Pegawai Perubatan dan seorang Doktor Pergigian di tiap-tiap satu Pusat. Rancangan memperbaiki mutu makanan yang telah berjalan dalam Rancangan Malaysia Kedua sebagai langkah percubaan akan diperluaskan untuk memberi nikmat kepada bilangan yang lebih di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Kementerian ini juga, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, akan memperluaskan lagi penyampaian bekalan-bekalan air di kawasan luar bandar bagi tempat-tempat yang terpencil dan sukar mendapat bekalan air yang sesuai. Di bawah Rural Water Supply Scheme, peruntukan sebanyak \$7.17 juta telah disediakan dan jumlah ini mungkin tidak mencukupi, dan jika perlu, saya akan mengemukakan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menambahnya apabila rancangan ini disemak dari setahun ke setahun.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya juga akan cuba meninggikan lagi mutu perkhidmatan rawatan perubatan dan kesihatan dengan menambah bilangan pekerja-pekerja professional dan separa professional supaya lebih ramai lagi bilangan mereka dapat ditugaskan di hospital-hospital daerah dan klinik-klinik atau pusat-pusat kesihatan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kesulitan untuk mendapatkan bilangan doktor yang lebih ramai kerana banyak di antara pihak mereka yang cenderung untuk berkhidmat di lapangan swasta. Antara lain ini disebabkan pendapatan yang lebih dan juga mereka tidak perlu berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain mengikut kehendak perkhidmatan dan di lapangan swasta mereka boleh memilih untuk berkhidmat di bandar-bandar yang besar. Bagi mengatasi kedudukan yang seperti ini, Kementerian saya berusaha memperbaiki lagi syarat-syarat perkhidmatan doktor-doktor, tetapi oleh kerana mereka-mereka adalah sebahagian daripada pegawai-pegawai Kerajaan, maka syarat-syarat perkhidmatan mereka itu adalah berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sekarang ini perkara gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai Kerajaan sedang dikaji oleh Suruhanjaya Gaji di Raja Ibrahim Ali. Bagaimanapun, Kementerian saya dari setahun ke setahun, lebih-lebih lagi bagi dua-tiga tahun yang sudah, telah dapat menambah beberapa jawatan tertinggi dan memberi harapan peluang kenaikan pangkat yang lebih bagi pegawai-pegawai perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian juga telah berusaha untuk menggalakkan latihan-latihan post-graduate diadakan di dalam negeri ini dan menggalakkan supaya diadakan peperiksaan post-graduate di tanah air untuk mendapat Ijazah M.R.C.P., F.R.C.S., D.P.H. dan lain-lain. Bagi membolehkan doktor-doktor untuk menduduki peperiksaan yang tidak dianjurkan di dalam negeri ini, mereka telah diberi kemudahan cuti tidak bergaji sehingga setahun, istimewa bagi doktor-doktor sahaja. Sungguhpun usaha-usaha ini telah dijalankan, Kementerian saya sedar bahawa biasanya pendapatan doktor-doktor dalam swasta adalah lebih lumayan daripada pendapatan doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan kita.

Dengan rancangan-rancangan yang akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, saya berharap Kementerian saya bukan sahaja akan dapat memperluaskan perkhidmatan rawatan dan kesihatan supaya perkhidmatan ini dapat dinikmati oleh bilangan rakyat yang lebih ramai tersebar di dalam bandar dan juga di luar bandar. Di samping memperluaskan penyebarannya Kementerian saya juga berharap akan dapat

mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan rawatan dan kesihatan supaya pesakit-pesakit akan mendapat layanan yang lebih memuaskan dan juga bantuan dan rawatan yang akan memberi kesempatan yang lebih untuk pulih semula, dan bagi mereka yang sihat, supaya kesihatan mereka terus terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya suka juga memberi ulasan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

Berkenaan dengan teguran dari Ahli Yang Berhormat dari Parit suka saya nyatakan bahawa Hospital Daerah Batu Gajah adalah tua sedikit tetapi tidak bermakna uzur. Dalam Rancangan Malaysia Kedua, beberapa projek memperbaiki Hospital Batu Gajah telah dijalankan termasuk pembinaan bangunan Makmal baru dan membeli kelengkapan bagi Wad V.I.P.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga projek-projek yang diluluskan bagi Hospital Batu Gajah ialah.

- (i) Memagar Hospital;
- (ii) Sambungan kepada Bilik Bersalin;
- (iii) Jabatan Pesakit Luar yang baru;
- (iv) Dobi; dan
- (v) Membaiki asrama jururawat.

Mengenai pemagaran, Kementerian saya sedang mengadakan rancangan untuk memagar kesemua Hospital di Malaysia.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas, saya maklumkan bahawa Kementerian saya sedang menggiatkan pemberian susu percuma di klinik-klinik iaitu bagi ibu mengandung dan kanak-kanak yang didapati perlu dibantu kerana kekurangan zat makanan. Sungguhpun masa dahulu bantuan ini telah diberi oleh UNICEF, sejak tahun 1975 bantuan ini telah diberhentikan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya dalam sekim bantuan sekarang telah memberi lebih bantuan daripada bantuan yang diberikan oleh UNICEF iaitu daripada 45,000 penerima pada tahun 1976 kepada 81,000 penerima bagi tahun 1977, dan bilangan ini akan ditambah lagi mengikut keperluan.

Keutamaan pemberian susu ini diberi kepada daerah-daerah di mana kadar kematian kanak-kanak adalah tinggi, di mana biasanya ada masalah kekurangan zat

makanan dan kemiskinan. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga 40 daerah telah dipilih di mana Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan akan dipergiatkan. Sukacita diterangkan bahawa pemberian susu percuma adalah satu langkah sementara yang akan dijalankan di sesuatu tempat, iaitu tempoh di mana, mengikut rancangan ini, pengeluaran makanan tempatan akan dapat dilaksanakan untuk mengatasi masalah kurang zat makanan. Pemberian susu percuma kepada ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak telah dirancang mengikut keperluan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan anggaran peruntukan telahpun disediakan.

Mengenai teguran dari Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap pula, suka saya maklumkan bahawa adalah dasar Kementerian saya sekarang memberi keutamaan ke kawasan-kawasan luarbandar, melalui kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan perubatan dan kesihatan, melalui pusat-pusat kesihatan dan kelinik-kelinik, atau melalui pasukan bergerak. Begitu juga kempen-kempen khas dijalankan seperti Rancangan Pembasmi Malaria, Rancangan Kebersihan Kawasan Sekeliling dan Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan. Kawasan-kawasan sempadan juga termasuk di dalam dasar ini. Di tempat-tempat di mana ada masalah keselamatan, pihak tentera pula ada memberi perkhidmatan. Ada juga tempat-tempat di mana pihak tentera mendirikan kelinik yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan, seperti di kawasan terpencil berdekatan dengan sempadan di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan teguran daripada Ahli Yang Berhormat yang menyatakan ramai bilangan Pakar-pakar Perubatan yang meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dan menyeru agar diadakan satu tanggungaji baru bagi menarik mereka ke dalam Perkhidmatan Kerajaan, suka saya memaklumkan bahawa adalah benar beberapa bilangan doktor telah meninggalkan perkhidmatan Kerajaan tiap-tiap tahun, tetapi suka saya menyatakan bahawa jumlah doktor yang terus berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan adalah meningkat pada tiap-tiap tahun. Sebagai contoh, dalam tahun 1973 hingga 1975, bilangan doktor yang telah me-

letakkan jawatan dibandingkan dengan bilangan yang masuk berkhidmat ialah seperti berikut:

Tahun		Jumlah Meletakkan Jawatan	Jumlah Masuk Berkhidmat
1973	...	117	299
1974	...	133	348
1975	...	154	312

Doktor-doktor berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan bukanlah disebabkan oleh tanggungaji sahaja, kerana antara lain, mungkin doktor itu suka tinggal di bandar-bandar besar sahaja pada hal dalam perkhidmatan Kerajaan, mereka terpaksa berpindah dari semasa ke semasa untuk memenuhi kehendak perkhidmatan di tempat-tempat yang mungkin pula terpencil. Mengenai tanggungaji pula, sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, Suruhanjaya Gaji di Raja Ibrahim Ali telahpun membuat lapurannya dan perkara ini sekarang sedang dalam kajian.

Apa yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam berkenaan dengan keadaan-keadaan di Lahad Datu dan Semporna adalah tidak benar. Di Lahad Datu terdapat seorang doktor dan memang ada rumah Kerajaan untuknya. Kementerian saya sedang membina lebih banyak lagi rumah-rumah untuk kakitangan Hospital Daerah di Lahad Datu. Seorang lagi doktor akan ditempatkan di hospital tersebut sekiranya bilangan doktor bagi negeri Sabah ditambah.

Di Semporna juga terdapat seorang doktor yang sekarang ini memang menduduki rumah Kerajaan bagi Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas. Sebuah rumah Kerajaan bagi Kumpulan yang sama telahpun siap dibina khas untuk seorang lagi doktor yang akan ditempatkan di Semporna, doktor tersebut tidaklah dapat dihantarkan dengan sertamerta ke Semporna.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang teguran dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud, suka saya nyatakan bahawa daerah Kota Belud sepatutnya mempunyai 2 orang doktor. Akan tetapi, disebabkan kekurangan doktor bagi seluruh negeri Sabah, hanya seorang doktor sahaja yang dapat ditempatkan di Kota Belud. Sungguhpun doktor ini mempunyai 3 tahun pengalaman, tetapi beliau merupakan doktor yang berkecukupan.

Pada keseluruhannya, secara kasar, terdapat seorang doktor bagi 7,000 orang penduduk bagi negeri Sabah. Akan tetapi, disebabkan pengagihan yang berbeza-beza dari segi penempatan doktor-doktor selaras dengan fasiliti yang ada sekarang maka terdapat seorang doktor bagi tiap-tiap 40,000 orang penduduk bagi daerah-daerah seperti Kota Belud. Usaha sedang dan akan terus dijalankan untuk memperbaiki lagi keadaan ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, beberapa buah dispensari telah dicadang dibina di beberapa daerah dan kampung di Sabah. Dispensari-dispensari ini, setelah siap dibina kelak, akan dikelolakan oleh seorang Pembantu Hospital, Penolong-penolong Jururawat, Atenden-atenden dan Amah-amah. Bilangan dispensari-dispensari yang diluluskan adalah berdasarkan kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Jabatan Perubatan Sabah dan juga kepada jumlah wang yang diperuntukkan bagi Jabatan Perubatan Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Berkenaan dengan teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Simunjan, suka saya memaklumkan bahawa di Simunjan sekarang ini memang ada satu static dispensari yang dikelolakan oleh seorang Pembantu Hospital dan seorang auxillary perubatan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dispensari ini telah dicadang ditukarkan menjadi pusat kesihatan dan perbelanjaan yang dianggarkan bagi projek ini ialah \$520,000. Tender bagi projek ini telahpun dipanggil dan adalah dijangkakan bahawa projek ini akan siap dalam masa 10 bulan. Seorang doktor dan seorang pegawai perigian akan ditempatkan di Pusat Kesihatan tersebut setelah siap dibina.

Di samping itu, terdapat juga sebuah Pusat Kesihatan Kecil di Pendam 2 travelling dispensaries dan 4 sub-dispensaries. 2 buah kelinik bidan di Pendam juga digunakan sebagai pusat latihan bagi jururawat-jururawat masyarakat dan 4 orang dari mereka yang dilatih ini telahpun ditempatkan di Pendam secara bergilir-gilir.

Apabila hospital baru yang akan dimuatkan dengan 100 buah katil, siap dibina di Serian yang berhampiran dengan Simunjan, pesakit-pesakit dari Simunjan bolehlah mendapatkan faedah rawatan perubatan di

hospital tersebut dan mereka tidaklah perlu pergi ke Kuching. Berkenaan dengan, kemudahan-kemudahan perbidanan, terdapat 3 buah Static Clinics dan 2 Travelling Clinics.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Bachok, suka saya nyatakan bahawa seorang Pegawai Perubatan telahpun dihantar ke Bachok sejak setahun dahulu. Cadangan menaikkan taraf Pusat Kesihatan Kecil di Bachok kepada Pusat Kesihatan Besar telahpun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Tindakan telahpun diambil untuk memperolehi tanah bagi maksud ini.

Mulai tahun 1976, Bachok menjadi sebuah daerah kesihatan yang berasing dan seorang Pegawai Perubatan (Kesihatan) akan ditempatkan di situ.

Berkenaan dengan bilangan doktor dibandingkan dengan bilangan penduduk, bagi seluruh Malaysia pada masa ini, nisbah doktor/penduduk ialah seorang doktor bagi 4,500 penduduk dan adalah menjadi tujuan Kementerian saya untuk mengadakan seorang doktor bagi 3,500 penduduk. Di Negeri Kelantan nisbah doktor/penduduk ialah seorang doktor bagi tiap-tiap 8,400 penduduk. Keadaan ini akan diperbaiki dan bilangan doktor yang ditempatkan di Kelantan akan ditambah apabila Hospital-hospital dan Pusat-pusat Kesihatan baru dibina dan juga jika ada doktor-doktor.

Berkenaan dengan bilangan katil dibandingkan dengan jumlah penduduk, pada masa ini nisbahnya ialah 1.4 buah katil bagi tiap-tiap seribu orang penduduk dan bagi Rancangan Malaysia Ketiga, matlamat Kementerian saya ialah untuk mencapai nisbah 2 buah katil bagi tiap-tiap seribu orang penduduk bagi seluruh Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Kementerian saya akan mendirikan hospital daerah dengan kemudahan katil seperti berikut:

Pasir Mas	...	...	99 buah katil
Tumpat	...	...	99 buah katil
Machang	...	...	28 buah katil
Pasir Puteh	...	...	99 buah katil
Tanah Merah	...	...	99 buah katil

Berkenaan dengan kadar kematian bayi, Kementerian saya sadar bahawa kadar kematian bayi di Kelantan adalah lebih tinggi dari kadar negeri-negeri lain. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya

telah menitikberatkan pembinaan pusat-pusat kesihatan dan kelinik-kelinik desa di kawasan-kawasan kurang maju seperti di Kelantan, Trengganu dan Kedah. Oleh kerana di Kelantan terdapat banyak kawasan di mana keadaan perhubungan adalah buruk dan ramai penduduk-penduduk luarbandar tidak mendapat faedah perkhidmatan kesihatan, Pasukan Kesihatan Luarbandar Bergerak telah dihantar untuk memberikan perkhidmatan "curative" dan "preventive".

Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan telah dilaksanakan di Kelantan di daerah-daerah Pasir Mas, Tumpat dan Tanah Merah pada tahun 1976 dan ini akan diperluaskan ke daerah-daerah Ulu Kelantan dan Pasir Puteh dalam tahun 1977; Machang dan Bachok dalam tahun 1978 dan Kota Bharu dalam tahun 1979.

Oleh kerana kematian bayi adalah disebabkan oleh amalan pemberian makanan yang tidak betul, satu Kempen Kebangsaan Penyusunan Ibu sedang dirancang dan akan dilancarkan tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan masala-masala berkaitan dengan Kementerian saya. Bagi pihak Kementerian saya, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas teguran yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Dan saya merayu kepada Ahli-ahli yang berkenaan di Dewan yang mulia ini agar bekerjasama dengan pegawai-pegawai yang berkhidmat di kawasan-kawasan di seluruh negara kita ini supaya dasar Kementerian Kesihatan ini akan dilaksanakan dengan sepenuhnya. Dengan itu, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

4.15 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat komen-komen dan cadangan-cadangan serta perhatian-perhatian mengenai Kementerian saya. Saya ingin memberi jaminan bahawa segala cadangan-cadangan dan perhatian yang dikemukakan itu akan dikaji dengan sedalam-dalamnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah sekali lagi membangkitkan soal pindaan kepada Ordinan Pekerjaan yang telah diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini pada minggu lepas terutama sekali mengenai pemberian kuasa kepada Menteri untuk menentukan tempoh kelayakan (qualifying period) bagi seseorang pekerja itu dapat faedah pengeneapan kerja (retrenchment benefits) dan faedah persaraan. Saya telahpun menerangkan dengan panjang lebar ketika membentangkan pindaan Rang Undang-undang tersebut, dan saya fikir tidak perlu lagi diberi penjelasan lanjut. Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa segala kuasa-kuasa yang diberi kepada saya akan digunakan dengan teliti dan saksama.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas dan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah membangkitkan persoalan mengenai pekerja-pekerja yang tidak berorganisasi terutama sekali petani-petani dan nelayan-nelayan dan mencadangkan supaya golongan-golongan pekerja ini diberi perlindungan dan faedah-faedah pekerjaan iaitu dari segi Sekim Keselamatan Sosial (SOCSO) dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak terdapat konrek-konrek perkhidmatan yang jelas di antara majikan-majikan dan pekerja, dan juga corak-corak pekerjaan yang seasonal ini maka belumlah dapat Kementerian saya memperluaskan bidangkuasa Sekim SOCSO ini kepada petani-petani dan nelayan-nelayan termasuk mereka yang bekerja dengan sendiri. Walau bagaimanapun, SOCSO telahpun menjalankan langkah-langkah yang positif untuk memperluaskan keahlian Sekim Keselamatan Sosial ini kepada petani-petani dan nelayan-nelayan berdasarkan kepada dua kajian yang telah dibuat oleh SOCSO.

Di antara perakuan-perakuan yang sedang dilaksanakan sekarang ialah memperluaskan dengan pesatnya sekim ini ke kawasan-kawasan luar bandar dengan menggunakan pusat-pusat bandar yang ada sekarang sebagai base. Dengan strateji ini adalah diharapkan bahawa kawasan-kawasan luar bandar akan mendapat faedah dari perlindungan yang diberi kepada ladang-ladang dan lain-lain perusahaan di luarbandar dan juga dengan memperluaskan lagi faedah-faedah perubatan.

Tugas-tugas yang teknikal dan kompleks ini memerlukan bantuan dari pakar-pakar antarabangsa. Sukacita saya menyatakan bahawa dengan kerjasama Rancangan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (U.N.D.P.), Pertubuhan SOCSO telah mendapat dua orang pakar-pakar untuk menjalankan tugas-tugas ini.

Pada masa sekarang, pakar-pakar tersebut sedang menyediakan satu rancangan khas bagi petani-petani dan nelayan-nelayan. Untuk menjalankan tugas ini, kajian-kajian lengkap akan dijalankan ke atas beberapa kawasan-kawasan pertanian dan nelayan yang tertentu. Dengan cara ini dapatlah ditentukan bentuk perlindungan dan faedah yang perlu diberikan kepada mereka.

Jikalau tidak ada apa-apa halangan lapuran dari pakar-pakar ini, bersama-sama dengan blue print untuk perlaksanaan akan dikemukakan kepada Kerajaan pada pertengahan tahun 1977.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh perenggan 1457 Lapuran Rancangan Malaysia Ketiga iaitu mengenai rancangan untuk menukarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada sekim pencen untuk masa tua. Ingin saya menegaskan di sini bahawa cadangan SOCSO untuk membuat kajian secara detail mengenai penukaran K.W.S.P. kepada sekim pencen masa tua ini, adalah sejajar dengan convention-convention yang telah digunakan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) sejak tahun 1925.

Di dalam Bahagian V. Article 28 Convention No. 102, mengenai pencen masa tua adalah diterangkan dengan jelasnya bahawa faedah ini hendaklah merupakan periodical payment.

Kerajaan mengakui bahawa perkara bayaran sekali gus (lump sum) dan periodical payment telah menimbulkan perbincangan hangat sejak beberapa tahun lamanya. Walau bagaimanapun, keputusan dan perakuan yang dibuat oleh ILO ialah bahawa bayaran sekali gus (lump sum) adalah satu cara yang tidak sesuai bagi mengadakan pendapatan gantian (substitute income), kerana tidak ada jentera atau mechanism di mana nilai bayaran itu dapat dipertahankan dalam masa inflasi. Akan tetapi melalui periodical payment, jumlah bayaran ini boleh dinaikkan dari semasa ke semasa. Satu "Standard"

yang telah diberi persetujuan antarabangsa, mengenai bayaran pencen masa tua ini ialah mengikut kadar 40% pendapatan seseorang pekerja yang mempunyai isteri. Kebaikan faedah sekim pencen adalah lebih nyata sekali apabila seseorang pekerja telah hilang upaya (invalid) selepas membuat sumbangan kepada sekim ini hanya beberapa tahun sahaja. Di bawah sistem K.W.S.P. pekerja tersebut akan hanya mendapat jumlah sumbangan di dalam kira-kiranya sahaja, akan tetapi di bawah sekim pencen ini beliau akan layak menerima bayaran sepanjang hayatnya paling kurang 40% dari pendapatannya selepas membuat sumbangan hanya selama 3 tahun sahaja. Pihak-pihak berkuasa mengenai perkara ini telah menerangkan bahawa "Capital accumulation" sekim K.W.S.P. ini adalah seperti berikut:

(Dengan izin) Some countries have developed provident fund systems in lieu of pension plans. This type of programme is merely one under which the employer and the employee contribute a certain portion of his salary into an individually earmarked savings fund. Under some plans, the employer contribution is not completely vested in the employee until he completes a certain length of service or reaches a certain age. Since these programmes are based largely on individual-equity considerations (so that benefits available are relatively small in the years of operation) and since the benefits are paid in a lump sum (that can readily be dissipated by an economically uninformed person), they usually will not come anywhere near to fulfilling the purposes of a pension plan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini tidak akan melibatkan pekerja-pekerja yang sekarang membuat sumbangan kepada K.W.S.P. Kerajaan tidaklah begitu jahil dan kejam untuk menjejaskan kepentingan lebih 2 juta pekerja-pekerja yang pada hari ini merupakan tenaga kerja yang productive di negara kita ini. Mereka yang mempunyai simpanan yang banyak di dalam K.W.S.P., tidak syak lagi, akan diberi pilihan samada untuk ingin menerima bayaran sekali gus atau "periodical payment" apabila Sekim ini dilancarkan kelak. Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai simpanan yang sedikit akan memilih Sekim pencen ini.

Oleh yang demikian, orang ramai termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat haruslah mempunyai "open mind" mengenai perkara ini dan biarlah kajian-kajian ini dijalankan tanpa halangan. Perlu juga saya tegaskan di sini, bahawa sebelum satu rancangan dilaksanakan, terutama sekali rancangan yang melibatkan kepentingan berjuta-juta rakyat di negara ini, Kerajaan hendak terlebih dahulu berpuas hati bahawa Sekim itu bukan sahaja untuk faedah-faedah rakyat dan pekerja-pekerja tetapi juga Kerajaan perlu menentukan bahawa Sekim ini adalah lebih baik dari Sekim yang ada sekarang. Majikan-majikan dan pekerja-pekerja tentu akan dirunding dan segala pendapat dan pandangan mereka akan dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, telah menarik perhatian Dewan ini pada kata dua (ultimatum) dari pihak CUEPACS kepada Kerajaan mengenai pelaksanaan Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telahpun berbincang dengan wakil-wakil CUEPACS baru-baru ini, dan telah menerangkan kepada mereka mengenai pendirian Kerajaan. Perbincangan-perbincangan lanjut akan juga diadakan kelak. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa di dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab Kerajaan tidak akan tunduk kepada ugutan-ugutan dari mana-mana pihak.

Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, yang membawa kepada perhatian Dewan ini berkenaan dengan seorang hamba Allah dari kawasan beliau yang mempunyai ijazah dari Aligarh University yang pada masa sekarang masih lagi tidak mempunyai pekerjaan. Saya ingin menasihatkan Ahli Yang Berhormat supaya mengemukakan butir-butir lanjut kepada Biro Iktisas Jabatan Tenaga Rakyat ataupun berhubung terus dengan Kementerian saya. Saya tidak berjanji untuk memberi pekerjaan untuk beliau tetapi melalui Biro Iktisas ini, Kementerian saya akan mencuba sedaya-upaya untuk mendapat pekerjaan yang sesuai.

Mengenai perkara yang ditimbulkan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah berkenaan dengan industrial unrest dan 'ndakan perusahaan. Saya ingin memberi jaminan bahawa jentera perundingan di

bawah Jabatan Perhubungan Perusahaan, Kementerian saya adalah sentiasa berusaha untuk menyelesaikan apa juga jenis pertikaian yang berlaku samada kecil atau besar. Kementerian saya juga ingin menentukan bahawa segala tindakan-tindakan perusahaan ini tidak akan menjejaskan suasana penanaman modal di negara ini dan tidak pula terdedah kepada anasir-anasir yang tidak diinginkan.

4.30 ptg.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat di dalam ucapan mereka telah menyentuh dasar pelaksanaan Kerajaan mengenai perumahan, prestasinya yang terhad dalam pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua serta peruntukan yang dibuat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sebelum menjawab satu persatu, di mana yang boleh dan perlu, mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu saya suka menghuraikan di sini tentang objektif dan soal-soal yang kita hadapai sekarang ini mengenai perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bercakap dalam Bahasa Inggeris sebab jawapan saya adalah teknikal dan panjang sedikit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Michael Chen Wing Sum: (*Dengan izin*) As Honourable Members are aware house-owning democracy is the ultimate objective in our national housing programme. The realisation of this objective will enable us to be more confident that Malaysians will devote their lives in our national struggle because the houses that they own form an integral part of the nation.

Our nation is a young nation and her Day of Independence is still remembered by the majority of our people. Since that day there are many Malaysians who have already achieved the ultimate objective that I have mentioned earlier. In the rural areas through FELDA schemes and similar rural development programmes thousands of our people have been given land where they practise agriculture and have erected their own homes.

In the urban areas, through the various housing programmes, many Malaysians have also obtained land for housing. In addition, there are also thousands of Malaysians who have obtained housing units under public housing programmes and the various schemes of the SEDCs. House-owning democracy is fast becoming a reality than during the days of colonialism. We will continue our efforts to achieve this objective.

Conscious of the efforts of the people themselves in the context of the New Economic Policy and that there are still many of them who need proper housing, the Government strives to achieve the ultimate objective of house-owning democracy on a gradual basis; beginning from the objective of providing decent shelter for the needy ones. At the same time, we must bear in mind that there are already many Malaysians who have achieved the house-owning democracy objective.

For those who can afford, and there are many Malaysians who can afford, incentives are being provided so as to enable them to obtain their own houses within the shortest possible time. Where circumstances permit, land as home-sites will be provided so that they can build their own houses. Assistance will be given in the aspect of planning, the provision of building materials, infrastructure and credit facilities for housing purposes and matters which obstruct the realisation of the ultimate objective will as far as possible be eliminated.

Tuan Yang di-Pertua, housing is a subject which can be very personal to an individual. Throughout the world there are not many countries—and if any, it is because of their political ideology—not many countries provide 100% housing for their citizens. In a democracy, such as in Malaysia, the people have their own choice, to strive on their own initiative and to use the various opportunities available to build their own houses. Malaysia is proud because many of our citizens have shown their ability to be self-reliant in housing to cater for their own needs. In the rural areas, for example, there are many laudable illustrations where many of our citizens have established their homes and also other basic amenities, which reflect their sense of initiative and cooperation.

The Government, being aware that there are amongst our citizens those who still

require certain assistance from other sources, has decided that private developers should increase their role in providing houses especially for those people who can afford to purchase. In this way not only the interested group could be attended to, but such a strategy will also provide the requisite opportunities for investments in housing and the construction industries. This time, the Government, in realising the importance of housing, has allotted a much bigger sum than before. The measures and strategies to be taken are explained in a special chapter, that is Chapter XIX in the Third Malaysia Plan document.

The approach adopted on housing as explained in Chapter XIX is pragmatic in the context of present-day circumstances. The somewhat fair performance under the Second Malaysia Plan concerning housing was not done on purpose. The adverse effects of world economic disorder, which afflicted Malaysia some time in the middle of our Second Malaysia Plan period and caused increases in the cost of building materials and labour, as well as the flow of certain skills beyond our national boundaries (such as to Singapore) during the construction boom were some of the developments which were difficult to control. Under such a situation even though we have achieved about 50% of our original objective of housing we can still say that it was a success. I do not, therefore, agree with the Honourable Member for Seremban who stated that it was a failure.

We do, however, believe that the performance under the Second Malaysia Plan had somewhat affected the progress of our attempt to achieve the house-owning democracy objective, as mentioned earlier. The increase in population and, in particular, the number of migrants to the urban areas, whether in the pursuit to achieve the restructuring of the Malaysian society, or simply to choose a new life-style in the cities, have caused further pressure in existing housing situation. If they had remained in their rural environment the objective of house-owning democracy would have been far easier to realise since land and housing are not that acute in the rural areas.

In order to overcome the housing problems in certain critical areas of our towns and cities our objective now is to provide more decent shelter for our people in the low-income group. Once we have overcome this

pressure we will gradually move to our ultimate objective that I have stated earlier. The measures which we will take have already been explained in Paragraph 1119 of the Third Malaysia Plan document.

We are fully aware that more housing, especially to cater for the low-income group, and the attempt to reduce the prices of houses will depend on many factors. Amongst them are those explained in Paragraph 1116 of the Third Malaysia Plan document. In addition to those measures the Government will also establish an institute on housing and building with the objective of coordinating the various research presently undertaken by a number of research bodies, such as the Forest Research Institute at Kepong, Universiti Pertanian Malaysia and the Universiti Sains Malaysia concerning the use of timber and other materials for housing; as well as to undertake research projects with the aim of providing the building industries with adequate information so that such industries can be more efficient and provide the requisite service to the community.

A number of Honourable Members have raised the question of housing projects which are not completed during the Second Malaysia Plan including those projects in Pulau Pinang. I wish to explain here that as a result of increased construction costs, a number of projects have to be reviewed by the State Governments concerned. Those projects which would not be burdensome to the people in the context of costs and payment of monthly instalments will be continued and, in fact, some of them have already been completed.

Housing is a subject that is complex. We should not, as some Honourable Members seemed to have done, over-simplify the housing situation in our country. Apart from the question of inflation and stagflation I have mentioned earlier, we should understand that, except for Wilayah Persekutuan, the subjects of land and housing under the Constitution are State matters. We have to respect such constitutional provisions. We should not be unduly drastic even though we understand that there are certain areas in our country where housing is a problem. Our actions must be guided by understanding and co-operation with the State Governments so that we can achieve the national objective within such constitutional provisions. We

should be fully conscious that there are subversive elements who want to see conflict occur between the leaders at the national level with those at the States and they do so by using issues of housing as their means to divide us.

I wish to say here that we have achieved accord with the various State Governments on the proper means to overcome the problems in implementing our public housing projects. With such an understanding, the shortcomings we have experienced under the Second Malaysia Plan are not expected to obstruct achievements under the Third Malaysia Plan.

As regards matters concerning Village Development, which have been touched upon by a number of Honourable Members, I wish to say that the Government is determined to provide greater improvements to our villages, especially those which are experiencing problems of security and also where the population are encountering the problems of poverty and lack of requisite facilities.

At this stage of our national development there are a number of our villages, including some new villages in proximity of growth centres and big cities, which have and are deriving benefits and opportunities attendant to the industrialisation and other development process. Compared to those isolated villages whether new villages or traditional kampungs—these villages, being close to areas of development, can be considered to be fortunate and many of the people are already taking the available opportunities in the various industries, employment as well as from the benefits derived from other development. It is, therefore, appropriate that priority should be given to those villages which have not yet derived such benefits. Some Honourable Members, in giving their comments on the problems of villages, had emphasised on the need for more funds. Such a view will be considered but I must emphasise that there are other factors which are considered as important, if not more important, than the question of funds alone. Factors such as the need to create awareness amongst the new villagers, the creation of Village Development and Security Committees, as well as to imbibe the spirit of self-reliance amongst them are also considered important by our Government.

The efforts by the Government or the amount of funds provided by us should not be the sole criterion in considering the development of our villages. The efforts of the people themselves are also important, as have already been illustrated in a number of traditional kampungs where much progress have been achieved, and where the outcome of such a progress contains a proper balance between material and spiritual development. It is a balance between these two elements that the Government strives to achieve in our village development.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di sini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan mereka mengenai hal-hal perumahan dan kemajuan perkampungan. Saya berharap di samping pandangan-pandangan yang berguna itu Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menolong saya mengatasi perkara-perkara yang kompleks itu. Dengan cara inilah kita dapat menjamin supaya Rancangan Malaysia Ketiga ini akan memberi nikmat yang dirancangan sekarang.

4.42 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi membalas ucapan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga khususnya mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan peranan Kementerian saya dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan usul mengenai Rancangan Malaysia Ketiga minggu lepas, Rancangan Malaysia Ketiga adalah merupakan Rancangan yang bercita-cita tinggi untuk membasmi kemiskinan rakyat negeri ini tidak mengira asal keturunan mereka dan juga untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan negeri-negeri di negara ini di mana perhatian yang lebih besar akan diberi dalam rancangan ini bagi mempercepatkan lagi pembangunan di negeri-negeri yang kurang maju. Selaras dengan hasrat dan cita-cita Kerajaan itu Kementerian saya telah diberi tanggungjawab yang besar untuk melaksanakan sebahagian daripada tugas-tugas ini dan saya berasa yakin dengan

kerjasama dari semua pihak Kementerian saya akan dapat melaksanakan tanggungjawab ini mengikut keupayaan yang ada dengan bersungguh-sungguh supaya semua program-program pembangunan dapat dijalankan dengan sempurna seperti yang dicita-citakan.

Ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ketika membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga telah menyentuh berkenaan dengan pelaksanaan Rancangan-rancangan pembangunan di bawah Kementerian saya seperti bekalan letrik luar bandar, bekalan air luar bandar dan pembinaan jalan-jalan di kawasan luar bandar. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menaruh minat di atas perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab Kementerian saya itu dan di atas segala pandangan-pandangan, cadangan-cadangan dan teguran-teguran itu, Kementerian saya akan mengambil mana-mana yang baik sebagai panduan dalam melaksanakan projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini supaya dapat berjalan sesuai dengan kehendak rakyat seluruhnya. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan dengan rancangan bekalan letrik luar bandar. Antara lain ialah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Jerlun-Langkawi, Permatang Pauh, Parit dan lain-lain lagi yang telah menyentuh secara umum. Berhubung dengan perkara ini, saya sukacita memaklumkan bahawa Kementerian saya dijangka akan melaksanakan program ini dengan lebih meluas lagi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Ini dapat diperlihatkan dari angka-angka peruntukan yang disediakan untuk tiap-tiap negeri yang mana adalah jauh lebih besar daripada peruntukan pada masa-masa yang telah lalu. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum peruntukan sebanyak \$158 juta telah disediakan untuk tempoh lima tahun yang akan datang berbanding dengan \$26.2 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua. Di dalam tempoh ini Kementerian saya akan memberi keutamaan yang lebih kepada pembekal yang lebih luas kuasa letrik ke negeri-negeri yang kurang maju di mana peruntukan yang lebih disediakan. Di samping itu, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan Persekutuan akan membiayai 2/3 daripada kos

projek bekalan letrik luar bandar di negeri-negeri yang kurang maju. Dengan lain perkataan Kerajaan Negeri-negeri yang berkenaan itu akan dikecualikan daripada memberikan sumbangan mereka sebanyak 1/3 sepertimana sebelumnya. Pihak Lembaga Letrik Negara juga telah diminta supaya melaksanakan projek bekalan letrik luar bandar ini dengan tidak berlengah-lengah lagi dan menganggap projek ini sebagai priority supaya semua projek-projek dapat dilaksanakan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini juga. Berhubung dengan peruntukan ini saya suka menarik perhatian kepada teguran oleh Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi di mana beliau telah menyatakan bahawa peruntukan bagi negeri Kedah adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri kurang maju yang lain dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya suka mencatatkan di sini bahawa peruntukan yang disediakan untuk bekalan letrik luar bandar Negeri Kedah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga adalah sebanyak \$33 juta. Peruntukan ini ialah terbesar jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan kepada negeri-negeri kurang maju yang lain.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Pada masa sekarang ini Kerajaan-kerajaan Negeri sedang menyiapkan senarai-senarai projek yang dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada menyentuh berkenaan dengan pembinaan jalan-jalan di kawasan luar bandar. Di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat dalam perkara ini ialah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Arau, Tanjong Karang, Sungai Petani, Semerah dan lain-lain. Pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah menggesa dibina lebih banyak lagi jalan-jalan ini untuk kemudahan-kemudahan rakyat di luar bandar. Saya suka memaklumkan bahawa perancangan pembinaan jalan-jalan luar bandar adalah dikendalikan secara langsung oleh Jabatan Perdana Menteri. Kementerian ini walau bagaimanapun diberi tugas sebagai mengawasi pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan. J.K.R. negeri-negeri telahpun membuat segala persiapan untuk melaksanakan rancangan besar pembinaan jalan-jalan luar bandar ini dan saya suka memberi tahu

bahawa J.K.R. akan dapat melaksanakan projek-projek itu di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Saya ingin memberitahu bahawa peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan jalan-jalan luar bandar di Semenanjung Malaysia di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga telah diperbesarkan lagi, terutama sekali negeri-negeri yang kurang maju. Satu peruntukan sebanyak \$107 juta telah disediakan untuk tujuan ini. Sebagaimana biasa Kerajaan Negeri adalah menyediakan projek-projek yang akan dilaksanakan itu sebelum ianya diluluskan oleh Jabatan Perdana Menteri. Saya percaya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini lebih banyak jalan-jalan raya luar bandar akan dibina untuk kepentingan semua rakyat di luar bandar.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan dengan bekalan air luar bandar yang mana juga diselenggarakan oleh Kementerian saya. Di antara mereka itu ialah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit, Semerah, Batu Pahat dan lain-lain lagi. Kebanyakannya menggesa supaya bekalan air untuk penduduk di kawasan-kawasan luar bandar dibekalkan dengan segera dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Saya suka memaklumkan bahawa peruntukan sejumlah \$100 juta telah disediakan untuk tujuan ini di mana penekanan yang sama diberikan oleh Kerajaan iaitu memberikan keutamaan yang lebih kepada kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali negeri-negeri yang masih mundur. Adalah diharapkan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga kebanyakan daripada kawasan-kawasan luar bandar akan mendapat bekalan air. Pihak J.K.R. akan berusaha menyiapkan projek-projek bekalan air luar bandar ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga juga.

Pada masa sekarang Kerajaan-kerajaan Negeri sedang meminta mengemukakan projek-projek yang akan dilaksanakan di negeri-negeri masing-masing. Berkenaan dengan teguran-teguran dan pandangan-pandangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak mengenai projek-projek yang kami laksanakan oleh Kementerian saya di negeri-negeri tersebut di dalam Rancangan Malaysia Ketiga seperti jalanraya, bekalan air, dan letrik. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh pembinaan jalanraya kecil (feeder road) bagi menghubungkan kampung-kampung di

kawasan luar bandar dengan bandar-bandar. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah menekankan betapa mustahaknya dibina lebih banyak lagi jalan-jalanraya kecil ini di seluruh negeri-negeri tersebut. Perkara ini adalah diberikan perhatian yang berat oleh Kerajaan dan dalam Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan yang lebih besar telah disediakan untuk pembinaan jalan-jalan ini di negeri-negeri yang tersebut.

Berhubung dengan bekalan air pula, saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan Pusat sedang bercadang memberikan peruntukan bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk membantu negeri-negeri tersebut memperluaskan rancangan bekalan air luar bandar. Demikian juga halnya dengan rancangan bekalan letrik luar bandar di negeri-negeri tersebut. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dijangka lebih banyak lagi rumah-rumah di kawasan luar bandar akan dibekalkan dengan letrik di negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Peruntukan sebanyak \$3.5 juta dan \$2.033 juta telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan masing-masing kepada Negeri Sabah dan Sarawak untuk melaksanakan rancangan bekalan letrik luar bandar di negeri-negeri itu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Akhirnya, berhubung dengan pelaksanaan projek-projek ini, saya suka menegaskan di sini bahawa kejayaan pelaksanaan tiap-tiap projek bergantung berat bukan sahaja kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian saya dan badan-badan pelaksanaan di bawahnya, tetapi adalah juga memerlukan kerjasama sepenuhnya dari segala pihak, terutama sekali rakyat jelata, misalnya, di dalam kes-kes di mana projek-projek terpaksa melalui tanah-tanah mereka dan pohon-pohon tertentu terpaksa ditebang atau dipotong bagi membolehkan projek diselesaikan.

Daripada pengalaman masa-masa yang lepas perkara ini sungguhpun kecil adalah boleh menyebabkan kegendalaan sesuatu projek itu. Oleh itu, saya suka mengambil kesempatan ini untuk merayu ataupun meminta jasa baik semua Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai orang perantaraan di antara rakyat jelata dengan Kerajaan bagi menolong menyelesaikan masalah serupa ini jika timbul kelak.

Perkara-perkara lain yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

4.53 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bagi pihak Kementerian Penerangan untuk menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini mengenai Rancangan Malaysia Ketiga yang berkaitan dengan Jabatan dan Kementerian Penerangan.

Secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua, saya terus mengambil bahagian ini terutama sekali mengucapkan terima kasih kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan mengenai Kementerian ini.

Yang pertamanya saya menjawab, Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak. Jabatan Penerangan sedang menyusun kegiatannya bagi menerangkan kepada rakyat mengenai Rancangan Malaysia Ketiga dan cara-cara bagaimana rakyat dapat melibatkan diri dan memainkan peranan mereka dengan mengambil bahagian bersama-sama dengan aktifnya dalam tugas serta bidang-bidang masing-masing dalam menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Sementara itu Jabatan Penerangan telah juga mencetak dua penerbitan:

- (i) Buku kecil menegaskan Rancangan Malaysia Ketiga yang mengandungi kenyataan akhbar yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di persidangan akhbar pada hari Jumaat, 9hb Julai, 1976 bagi menerangkan konsep itu.
- (ii) Penerbitan yang kedua juga merupakan sebuah buku kecil yang mengandungi ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan usul mengenai Rancangan Malaysia Ketiga di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin, 19hb Julai, 1976. Buku kecil ini yang berwarna hijau telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari tersebut juga.

Jabatan Penerangan akan menyebarkan buku-buku ini seluas-luasnya di seluruh negara untuk bacaan umum.

Jentera penerangan sedang disusun bagi menerangkan dengan seluas-luasnya Rancangan Malaysia Ketiga.

Satu Majlis Taklimat yang mendalam akan diberi oleh Ketua Pengarah Perancang Ekonomi kepada Pengarah-pengarah Penerangan Negeri pada 29hb Julai, 1976 ini dalam satu persidangan Pengarah-pengarah Penerangan Negeri di mana mereka akan membincangkan Rancangan ini dengan teliti. Dan membincangkan teknik dan method Rancangan ini yang akan dihebahkan melalui berbagai-bagai kegiatan dan penerbitan termasuk poster, bahan-bahan bacaan seperti majallah, buku dan lain-lainnya, termasuklah kegiatan-kegiatan melalui Yunit-yunit Bergerak dan Pegawai-pegawai Luar dan Pembantu Luar yang akan membincangkan segala aspek Rancangan Malaysia Ketiga di majlis-majlis perjumpaan, sivik, perhimpunan tata-rakyat, dallog dan seumpamanya.

Bagi menjawab perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Gaya, pada masa ini tidak ada rancangan-rancangan dalam bahasa China yang disiarkan melalui Rangkaian Ketiga TV Malaysia Sabah atau melalui Radio Malaysia Sabah. Semenjak siaran TV dimulakan di Sabah dalam tahun 1971 hanya rancangan-rancangan dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sahaja yang disiarkan. Di Radio Malaysia Sabah pula semenjak 1hb Januari, 1974, atas kehendak Kerajaan Negeri maka rancangan-rancangan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sahaja yang disiarkan. Rancangan-rancangan dalam bahasa China, Kadazan, Murut telah diberhentikan, kecuali lagu-lagu hiburan sahaja. Mulai dari 15hb Julai, 1976 atas permintaan Kerajaan Negeri warta berita dalam bahasa China loghat Cantonese dan Hakka dan juga dalam lain-lain bahasa seperti Kadazan, Murut dan Bajau ada disiarkan.

Menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat, Kementerian Penerangan sentiasa berusaha untuk membaiki rancangan-rancangan yang disiarkan oleh TV Malaysia dari semasa ke semasa. Kementerian Penerangan sekarang ini sedang menyusun beberapa siri rancangan khas untuk siaran melalui TV dan Radio dan juga melalui alat-alat sebaran Kerajaan yang lain bagi menerangkan dengan secara meluas kandungan rancangan besar Kerajaan iaitu Rancangan Malaysia Ketiga supaya ianya

diketahui dan difahami oleh setiap rakyat. Dengan itu membolehkan rakyat dapat melibatkan diri masing-masing dan berusaha bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Begitu juga Kementerian Penerangan sentiasa berusaha untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang ada di TV Malaysia dan meminta tambahan kakitangannya jika difikirkan perlu dan penting untuk kebaikan siaran TV dan juga Radio. Mengenai lapuran kajian rancangan-rancangan RTM yang sekarang ini dikelolakan oleh Survey Research Malaysia iaitu satu badan menjalankan tugas kajian dan penyelidikan bagi pihak RTM. Lapuran tersebut sentiasa dikaji dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk dilaksanakan demi kebaikan siaran TV seluruhnya.

Berhubung dengan perkara menambah saluran-saluran TV, suka saya menerangkan iaitu seperti kita semua sedia maklum pada masa ini kita telah mempunyai cukup saluran atau rangkaian untuk menyiarkan rancangan-rancangan TV iaitu seperti rangkaian National, rangkaian pertama dan rangkaian kedua yang disiarkan dari station Kuala Lumpur dan rangkaian ketiga yang disiarkan dari stesyen Kota Kinabalu untuk penuntun-penuntun di Sabah dan Sarawak. Kita juga ada mempunyai rangkaian khas iaitu siaran TV Pendidikan yang ditujukan kepada murid-murid di sekolah. Adalah difikirkan bahawa rangkaian-rangkaian tersebut sudah memadai untuk masa ini.

Menjawab Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan masalah penerangan ini iaitu Yang Berhormat dari Batu Pahat, jumlah hasil yang dipungut oleh semua lesen-lesen Radio dan TV dalam tahun 1975 adalah berjumlah \$15 juta dan sebanyak \$4 juta merupakan hasil dari lesen-lesen radio iaitu bersamaan 27%. Dalam tahun ini dari jumlah 824,452 lesen-lesen Radio dan TV yang dikeluarkan 40% adalah lesen radio. Kementerian Penerangan tidak bercadang menghapuskan bayaran lesen-lesen bagi radio pada masa ini, mungkin pada masa hadapan apabila lebih keseluruhan orang ramai mempunyai peti TV cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja untuk menjelaskan perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Penerangan. Sekali

lagi saya bagi pihak Menteri Penerangan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

5.03 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi syor-syor dan teguran ke atas Kementerian saya sepanjang perbincangan mengenai Rancangan Malaysia Ketiga baru-baru ini. Saya suka memaklumkan bahawa segala syor-syor dan teguran itu adalah diambil perhatian yang berat oleh Kementerian saya demi kepentingan bersama.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak mencadangkan supaya RISDA meluaskan kuasanya bagi membantu pekebun-pekebun kecil yang memiliki tanah kosong tetapi tidak mempunyai tanah getah yang tua sebelumnya. Mengenai cadangan ini, ingin saya tegaskan bahawa bantuan tanaman semula/ baru yang diberikan oleh RISDA adalah berasaskan kepada pungutan-pungutan ses yang disumbangkan oleh pekebun-pekebun kecil di samping bantuan Kerajaan. Dengan itu adalah adil, jika hanya pekebun-pekebun kecil yang menyumbangkan kepada tabung ses sahaja layak diberi bantuan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan masalah keluasan tanah yang tidak ekonomik dan mengesyorkan supaya pekebun-pekebun kecil yang memiliki tanah yang tidak lebih dari 5 ekar diberi bantuan untuk membesarkan keluasan tanah mereka. Dasar ini telahpun dilaksanakan mulai dari tahun 1971. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Rancangan Tanaman Baru Berkelompok, rancangan memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil di dalam lingkungan ini, dan rancangan memberi bantuan kepada mereka yang mempunyai tanah kosong akan diperhebatkan lagi.

Ahli Yang Berhormat tersebut juga telah mencadangkan supaya perkhidmatan extension kepada pekebun-pekebun kecil diperluaskan dan diperbaiki. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan extension ini juga diberi kepada pekebun-pekebun kecil dan sentiasa diperluaskan di mana perlu.

Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya RISDA menyelaraskan aktiviti-aktiviti agar projek-projek untuk pekebun-

pekebun kecil dipercepatkan tanpa melalui banyak saloran red tape. Perkara ini juga sememangnya telah dilaksanakan dan dikaji dari masa ke semasa guna melicinkan dan memperbaiki pentadbiran RISDA.

Mengenai siasatan yang dijalankan oleh B.S.N. atas beberapa kes di RISDA yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut supaya disegerakan, ingin saya maklumkan bahawa Biro tersebut sedang giat menjalankan siasatannya dan terpulanglah kepadanya mengambil apa-apa tindakan sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat juga mengesyorkan supaya Kerajaan menarik balik cukai eksport dan juga ses penyelidikan bagi getah yang dijual oleh pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kurang dari 15 ekar. Berhubung dengan syor ini, Kementerian saya telahpun mula berbincang dengan Kementerian Kewangan dan kajian-kajian yang mendalam sedang dibuat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh mengenai rancangan menanam semula getah dengan benih-benih yang baik untuk mendapatkan hasil yang tinggi. Beliau juga menyatakan bahawa perhatian yang berat harus diberi kepada syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pekebun-pekebun kecil getah untuk mendapatkan bantuan tanaman semula. Beliau mengesyorkan supaya syarat-syarat itu janganlah terlalu sukar untuk dipatuhi kerana ini bermakna mereka tidak akan dapat bantuan-bantuan itu. Selanjutnya beliau menyatakan ini adalah terbukti bahawa kebanyakan daripada bantuan menanam semula getah telah diberi kepada ladang-ladang getah yang besar manakala mereka yang mempunyai ladang di antara dua hingga enam ekar masih belum menanam semula.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa syarat-syarat yang ditetapkan oleh RISDA bagi bantuan tanam semula getah kepada pekebun-pekebun kecil adalah diberi supaya hanya pekebun-pekebun kecil yang layak dan perlu diberi bantuan sahaja menerima bantuan tersebut. Apa-apa syarat yang dikenakan adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan.

Saya juga menafikan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu bahawa hanya ladang-ladang getah yang besar sahaja yang banyak diberi bantuan.

Sebagai buktinya, ingin saya maklumkan bahawa sehingga akhir tahun 1975, RISDA telah memberi bantuan kepada 241,728 orang pekebun-pekebun kecil yang mempunyai di bawah enam ekar dengan jumlah keluasan tanah sebanyak 788,750 ekar. Ini merupakan 72% daripada jumlah pekebun-pekebun kecil yang diberi bantuan tanaman semula dan 51% daripada jumlah keluasan tanah pekebun-pekebun kecil yang telah diberi bantuan tanaman semula sehingga tarikh tersebut.

Untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat wakil Kawasan Parit, saya suka menjelaskan bahawa kedudukan harga kayu-kayan dan papan lapis dalam negeri bolehlah dikatakan lebih setabil daripada harga kayu-kayan yang diekspotkan ke luar negeri.

Sungguhpun eksport kayu-kayan dalam tahun ini telah mula bertambah, harga kayu dalam pasaran tempatan telah meningkat sebanyak kira-kira 15% sahaja. Kenaikan ini tidaklah begitu besar jika dibandingkan dengan kenaikan harga kayu yang diekspot, yang mana telah bertambah kira-kira 35% dari harga purata dalam tahun 1975. Oleh kerana perusahaan kayu adalah satu sektor yang begitu "export oriented" maka keadaan harga dalam negeri dari masa ke semasa dipengaruhi oleh keadaan permintaan luar negeri. Walau bagaimanapun, harga kayu dalam pasaran tempatan didapati kira-kira 40% kurang daripada harga-harga eksport. Bagi papan lapis pula harga yang ditetapkan oleh Persatuan Pengilang-pengilang Papan Lapis dalam dua tahun yang sudah telah tidak berubah, sehingga bulan Jun tahun ini, di mana harga bagi ukuran yang popular telah meningkat di antara 3-20%. Memandangkan harga kayu balak telah melambung tinggi dan begitu juga kos pengeluaran pada keseluruhannya, kenaikan harga kayu-kayu tempatan seperti yang terdapat baru-baru ini tidaklah dianggap berlebihan.

Dengan adanya kemerosotan pasaran eksport dalam tahun 1974 dan awal tahun 1975, harga kayu-kayan yang dijual dalam negeri telah bertambah pada kadar yang sederhana. Ini telah menggalakkan penggunaan kayu-kayan sebagai bahan pembinaan dalam negeri dengan lebih banyak lagi. Sekiranya permintaan dalam negeri bagi jenis-jenis yang juga dianggap popular di

pasaran luar negeri bertambah dengan pesatnya, ini mungkin menyebabkan kenaikan harga bagi kayu-kayan di pasaran tempatan. Sebagai langkah untuk mengelakkan kenaikan harga kayu-kayan yang berlebihan, Kerajaan melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia akan berusaha dengan lebih giat lagi untuk menggalakkan penggunaan jenis-jenis kayu yang lebih luas lagi sebagai bahan benaan tempatan. Ini akan mengurangkan tekanan permintaan ke atas satu-satu jenis yang mana jika berterusan akan menyebabkan pengilang-pengilang tempatan menaikkan harga.

Untuk mengulas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kangar tentang adanya penindasan pengilang ke atas pengawit yang telah membeli daun-daun tembakau hijau dari penanam, saya sukacita menyatakan bahawa pihak Kementerian sedar tentang adanya berlaku penolakan beberapa bungkusan tembakau oleh pengilang-pengilang rokok. Penolakan itu bukanlah disebabkan oleh penindasan pengilang-pengilang itu ke atas pengawit-pengawit tetapi disebabkan oleh adanya pertikaian dalam penentuan gred tembakau yang hendak dijual oleh pengawit-pengawit itu. Memandangkan bahawa masaalah penolakan itu boleh diatasi jika tidak ada pertikaian dalam penentuan gred tersebut, maka Kementerian saya telah mengadakan langkah di mana kedua-dua pihak pengawit dan pengilang rokok dikehendaki mematuhi penentuan gred yang dibuat secara muktamad oleh Lembaga Tembakau Negara di pusat pemasaran yang disediakan oleh Lembaga itu.

Lembaga Tembakau Negara juga dengan sendirinya menentukan harga-harga minima bagi tembakau yang hendak dijual kepada pengilang-pengilang. Harga-harga minima itu adalah berbeza mengikut gred-gred yang ditetapkan. Dengan cara yang demikian, maka Kementerian ini percaya penindasan harga sukar dilakukan oleh pengilang-pengilang ke atas pengawit-pengawit, terutamanya apabila sekarang ini penjualan daun tembakau hampir kesemuanya dilakukan di suatu pusat sahaja yang disediakan oleh Lembaga.

Mengenai syor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Setapak menggesa Kerajaan mengadakan satu Akta yang berpengaruh penuh bagi mengawalkan kegiatan-kegiatan perlombongan supaya dapat diselaraskan, saya sukacita menyatakan

bahawa pada masa ini undang-undang perlombongan adalah mencukupi bagi mengawal kegiatan-kegiatan perlombongan, tetapi sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama baru-baru ini, Kementerian saya sedang menjalankan kajian untuk menyelaraskan undang-undang tersebut ke dalam satu Kanun Perlombongan Negara. Satu syor yang berkenaan akan dibuat kepada Kerajaan apabila kajian tersebut selesai.

5.15 *ptg.*

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membuat teguran-teguran dan di samping itu saya ingin menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perhubungan.

Berhubung dengan komen Ahli Yang Berhormat dari Kanowit berkenaan dengan sistem pos bagi pengiriman wang dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia, saya ingin memaklumkan bahawa sejak bulan April, 1973 semua surat, kecuali bungkusan-bungkusan biasa di antara kedua wilayah ini dikirim melalui udara dan bukan melalui laut.

Sistem kiriman wang antarabangsa, atau sistem "listing" sebagaimana ia sebetulnya dipanggil, masih digunakan kerana lebih sesuai dari kiriman wang tempatan, baik di antara Sarawak ataupun Sabah dengan Semenanjung Malaysia, untuk kecekapan dan kepantasan.

Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang sistem kiriman wang di seluruh Malaysia adalah dikaji dari masa ke semasa dan perubahan-perubahan akan dilaksanakan sekiranya ia akan menghasilkan perkhidmatan yang lebih sempurna kepada orang ramai.

Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda, struktur-struktur tambang penerbangan yang diluluskan oleh Kerajaan untuk digunakan oleh MAS tidaklah bertujuan untuk memberi perlindungan yang berlebihan kepada syarikat itu. Tambang penerbangan samada bagi perjalanan dalam negeri mahupun perjalanan antarabangsa adalah berdasarkan kepada

"passenger-seat-factor per mile" yang ada kaitannya dengan "rate-fixing machinery" badan-badan antarabangsa seperti IATA (International Air Transport Association). Tambang-tambang ini perlu mendapat persetujuan dan kelulusan Kerajaan masing-masing sebelum ianya boleh digunakan. Dalam pada itu Kerajaan juga memberi perhatian keatas kepentingan "travelling public" dan perusahaan pelancungan di negara ini dan dengan demikian Kerajaan ada memperkenalkan tambang-tambang istimewa atau murah seperti tambang "promotional", "ekonomi malam", I.T.C. (Inclusive Tour Charter) dan "excursion".

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda dan Gaya telah menyentuh soal kenaikan kapalterbang baru-baru ini, kenaikan ini disebabkan kenaikan kos mengurus yang tidak dapat dielakkan.

Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam telah menyentuh mengenai masaalah shipping atau perkapalan, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sedar mengenai masaalah tersebut. Kementerian saya telahpun memulakan tindakan untuk menghadkan domestic shipping kepada kapal-kapal dan syarikat perkapalan yang didaftarkan di Malaysia. Ahli Yang Berhormat mungkin ingat bahawa Rang Undang-undang bagi meminda Undang-undang Perkapalan Dagang telah dibentangkan di Dewan ini untuk bacaan kali pertama pada 20hb Julai, 1976. Adalah diharapkan Rang Undang-undang itu mendapat sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat apabila dibawa ke Dewan ini untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga pada Persidangan Dewan yang akan datang.

5.20 *ptg.*

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa teguran dan memberi pandangan berkenaan dengan Perbadanan-perbadanan Awam yang diletakkan di bawah bidangkuasa Kementerian saya.

Menyentuh teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Arau dan Hilir Perak, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan kita mengamalkan sistem pasaran terbuka di mana pengusaha-pengusaha adalah diberi kesempatan untuk berniaga.

Kerajaan tidaklah bercadang hendak menukarkan sistem pemasaran yang ada pada hari ini dan mengurangkan kesempatan-kesempatan bagi mereka-mereka yang hendak berniaga baik sebagai pengeluar, pemborong, pengilang ataupun peruncit. Di samping itu, Kerajaan juga adalah memandang berat tentang kedudukan ekonomi petani-petani khususnya penanam-penanam padi supaya mereka mendapat taraf hidup yang lebih baik lagi.

Oleh itu, Kerajaan melalui ejensi-ejensinya seperti L.P.N. telah ditubuhkan untuk membolehkan penanam-penanam padi mendapat pendapatan yang lebih baik. Adalah menjadi tugas L.P.N. memastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi penanam-penanam padi. Ini dapat dicapai dengan L.P.N. mengadakan sistem Harga Minima Terjamin (Guaranteed Minimum Price). Di samping itu, Kerajaan adalah juga menggalakkan petani-petani menceburkan diri di dalam perusahaan perniagaan padi iaitu melalui pemberian lesen untuk membeli padi dan seterusnya lesen-lesen borong mengisar padi dan menjual beras.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah memberikan beberapa cadangan untuk mempercepatkan proses pengambilan alih kilang-kilang L.P.N. oleh bumiputra. Seperti Yang Berhormat sedia maklum tujuan utama penubuhan kilang-kilang ini adalah untuk memberi perkhidmatan dan kemudahan kepada petani-petani untuk mengering padi dengan cepatnya di luar musim supaya memastikan harga padi yang berpatutan bagi petani-petani. Kementerian saya akan mengkaji cadangan tersebut samada dapat dilaksanakan atau tidak.

Untuk makluman Dewan ini, sebelum penyerahan dapat dibuat terhadap sesuatu projek Badan-badan Berkanun, Kementerian saya akan berpanduan kepada beberapa garis panduan untuk memastikan bahawa sesuatu perusahaan itu telah berupaya dan juga akan terus memberi keuntungan di masa-masa yang akan datang sekiranya diberi alih kepada pihak swasta.

Kerajaan sedar akan adanya kegiatan penyeludupan mahupun secara kecil-kecilan atau besar-besaran dan segala langkah-langkah perlu telah dan sedang diambil untuk membentasi penyeludupan ini. Tindakan-tindakan keras akan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam kegiatan

ini tidak kira samada mereka itu menjalankan operasinya secara kecil atau besar-besaran. Kementerian saya dan ejensi-ejensi yang ditugaskan untuk membentasi penyeludupan amatlah sukacita dan mengalu-alukan semua pihak memberi maklumat-maklumat berkenaan dengan penyeludupan-penyeludupan ini.

Baru-baru ini Pasukan Petugas Anti-Penyeludupan Negeri Kedah dan Perlis telah membuat beberapa penangkapan termasuk lori, kereta dan bot-bot di dalam usahanya membentasi penyeludupan setelah mendapat maklumat-maklumat daripada orang ramai. Kejayaan tangkapan-tangkapan ini telahpun disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan dan kita dapati bagi Kedah dan Perlis sebanyak 20 kereta, 47 lori, 14 motosikal dan 4 bot telahpun ditangkap sejak dari April ke bulan Jun tahun ini.

Yang Berhormat dari Kangar mencadangkan supaya harga padi dinaikkan menjadi \$35 sepikul. Kerajaan tidaklah dapat melaksanakannya oleh kerana harga padi yang ditetapkan adalah berkait dengan harga beras pasaran. Kerajaan sebelum menetapkan sesuatu harga bagi padi itu terpaksa mengambil hitungan juga di atas harga beras yang menasabah bagi orang ramai. Jika harga padi dinaikkan lagi maka sudah tentu harga beras pun akan meningkat naik. Saya khuatir jika dinaikkan harga ini syarikat-syarikat tersebut sudah tentu tidak dapat apa-apa keuntungan malahan mungkin mendapat sukar menjadi beras mereka dengan harga yang tinggi.

Lembaga Padi dan Beras Negara akan mengumumkan harga tawaran padi yang akan dibeli sebelum tiap-tiap musim padi sungguhpun harga padi belian yang disyiharkan oleh L.P.N. pada masa ini ialah \$24, \$26 dan \$28 sepikul tetapi harga yang sebenarnya di pasaran ialah di antara \$26 hingga \$30 sepikul mengikut jenis, gred dan basah padi-padi itu.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Kangar berkenaan dengan kemudahan perniagaan padi, Lembaga Padi dan Beras Negara pada masa ini mempunyai 17 kompleks-komplek mengering dan mengilang dalam kawasan Perairan Muda, termasuk Perlis. Komplek Integrasi mengandungi kemudahan mengilang, dan mengering dan kompleks-komplek ini terdapat di Anak Bukit, Arau, Bukit Raya, Simpang Empat

Perlis, Lana Bulu, Gua Chempedak, Bukit Besar, Telok Kechai dan Jerlun. Komplek-komplek mengering pula terdapat di Hutan Aji, Kodiang, Jitra, Simpang Empat Kerpan, Sungai Baru, Langgar, Kangkong, Sungai Limau. Dari komplek di atas, komplek di Hutan Aji Pengerang, Arau Integrasi dan Simpang Empat Intergrated adalah terletak di Negeri Perlis. Dengan kemudahan-kemudahan yang ada sekarang ini adalah didapati sudah mencukupi untuk menampung keperluan petani-petani di kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat dari Baling telah mengesyorkan supaya tapak-tapak perniagaan yang sesuai dibina dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan menggesa Kerajaan supaya mengambil berat terhadap peniaga-peniaga kecil di kampung-kampung. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga bumiputra terutamanya peniaga-peniaga kecil dan bantuan-bantuan ini antara lain adalah berupa menyediakan ruang-ruang perniagaan. MARA dalam usahanya membantu peniaga-peniaga bumiputra telah dan akan mendirikan gerai-gerai perniagaan yang berbentuk rumah kedai ataupun bazaar.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, MARA bercadang akan mendirikan sebanyak 23 projek rumah kedai dan 16 projek bazaar. Selain daripada itu, MARA juga mempunyai 20 rancangan bazaar di pekan-pekan kecil yang mana tempat-tempatnya akan ditentukan nanti. Tiap-tiap satu rancangan ini mempunyai 10 yunit dan jumlah wang yang akan terlibat untuk 20 rancangan ini ialah \$1.516 juta. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, MARA bercadang menguntukkan sebanyak \$22.5 juta untuk aktiviti ini.

Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah menyentuh tentang dasar pinjaman MARA yang memberi pinjaman sekali sahaja kepada peminjam-peminjam.

Saya percaya perkara ini telahpun beberapa kali dijelaskan di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, ingin saya menjelaskan lagi bahawa bukanlah menjadi dasar pinjaman MARA untuk memberi pinjaman sekali sahaja. Tetapi adalah untuk memperketatkan lagi kegiatan pinjamannya dan MARA telah diarah supaya tidak mengamalkan pinjaman berulang-ulang kepada peniaga-peniaga yang tertentu sahaja dan

kepada mereka yang telah menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang telah diberikan kepada mereka.

Pinjaman MARA sepatutnya membolehkan seberapa ramai peniaga-peniaga mendapat faedah. Peminjam yang telah berjaya kepada projek terdahulu sepatutnya boleh meminjam dari bank-bank perniagaan biasa bagi pinjaman seterusnya melalui skim kredit C.G.C. dan mereka adalah digalakkan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan bank-bank sepertimana yang diamalkan oleh peniaga-peniaga biasa.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menyentuh tentang kerugian anak-anak syarikat yang dikendalikan oleh Badan-badan Berkanun. Memanglah menjadi tugas Kementerian saya untuk memastikan dan melihat supaya anak-anak syarikat perbadanan seperti MARA, UDA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dijalankan dengan baik dan tidak mengalami kerugian. Saya menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu untuk mengadakan kawalan dan pengawasan yang lebih berkesan terhadap anak-anak syarikat perbadanan. Di dalam menjalankan perniagaan sudah menjadi kelaziman, ada kalanya untung dan ada kalanya rugi, kerana ini mengikut keadaan pasaran, ekonomi dan sebagainya. Tetapi, walau bagaimanapun, Kementerian saya di dalam tugasnya akan sentiasa mengawasi perjalanan-perjalanan anak-anak syarikat perbadanan ini supaya ianya berjalan dengan lebih baik lagi dan membawa keuntungan yang dijangkakan.

Menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, saya ingin memaklumkan bahawa pada ketika ini MARA mempunyai sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti pengangkutan walaupun Kementerian ini akan menimbangkan tentang permintaan Yang Berhormat untuk menambahkan lagi syarikat-syarikat pengangkutan di Pulau Pinang jika didapati sesuai dijalankan.

Ingin saya nyatakan bahawa masalah-masalah bumiputra di Pulau Pinang hendaklah dikaji dengan menyeluruh kerana mereka bukan sahaja mengalami masalah perumahan-perumahan tetapi juga berbagai-bagai bidang sosio-ekonomi yang lain. Cara penyelesaian juga perlu dibuat secara menyeluruh. Kajian mengenai masalah-masalah ini telahpun selesai dilaksanakan oleh

Pasukan Mengkaji masalah-masalah Bumi-putra di Pulau Pinang. Jawatankuasa yang mengkaji laporan ini juga sudah selesai membuat kajiannya dan perakuannya sedang ditimbangkan oleh Kerajaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membentangkan beberapa pandangan dan teguran terhadap beberapa perkara yang menyentuh badan-badan di bawah Kementerian saya. Bagi teguran-teguran yang lain yang telah dikemukakan dan yang tidak dapat saya menjelaskan di sini satu-persatu, ingin saya menyatakan bahawa Kementerian ini telah mengambil ingatan atas pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan tersebut dan akan dipertimbangkan dengan teliti seterusnya.

5.34 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan pandangan-pandangan serta pendapat masing-masing, terutama sekali mengenai perjalanan Kementerian saya sendiri. Dan perkara-perkara itu ada kaitannya dengan perkara-perkara yang telah berjalan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan untuk mengingatkan kepada Kementerian saya dan Kerajaan seluruhnya semoga perkara-perkara yang telah dialami pada masa yang lampau tidak akan berulang semasa kita menjalankan berbagai-bagai rancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Atas pandangan-pandangan yang baik yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, maka saya suka merakamkan ucapan terima kasih saya kepada mereka semua.

Jadi, saya tidak berhajat hendak mengulas tiap-tiap satu pandangan yang dikemukakan, akan tetapi saya ingin memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang penting yang menyentuh dasar dan juga pelaksanaan butir-butir itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan soal kelewatan peruntukan diberi yang melambatkan pelaksanaan projek-projek di negeri-negeri. Suka saya menjelaskan bahawa

mengikut peraturan; Perbendaharaan mengeluarkan Waran Am kepada Akauntan Negara bagi peruntukan pembangunan untuk tiap-tiap tahun pada 1hb Januari tahun itu, iaitu selepas Usul Anggaran Pembangunan Tahunan diluluskan oleh Dewan Rakyat. Pengeluaran Waran ini diikuti pula dengan satu Pekeliling Perbendaharaan memberitahu semua Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan bahawa Waran Am itu telah dikeluarkan. Oleh kerana nampaknya ada kelewatan peruntukan dikeluarkan oleh Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan; saya akan menyiasat hal ini dan mengambil tindakan tertentu demi untuk mengelakkan perkara seperti ini berlaku demi kepentingan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Sungguhpun demikian saya sudahpun mengadakan rundingan dengan pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan supaya dapat menyesuaikan penyaluran wang ini pada negeri-negeri, terutama sekali negeri-negeri di pantai timur dan juga di pantai barat supaya selaras dengan peredaran iklim di tanahair kita ini. Janganlah pula wang itu dikeluarkan pada masa negeri-negeri itu diserangi banjir ataupun oleh kerana keadaan tidak mengizinkan, maka projek-projek yang patut dilaksanakan tidak dapat dilaksanakan disebabkan wang lewat dihantar. Jadi langkah-langkah ini sedang diambil dan adalah diharapkan bahawa segala penyelesaian ini akan dibuat sebelum akhir tahun ini dengan harapan semoga segala projek-projek untuk tiap-tiap negeri samada di pantai timur ataupun di pantai barat akan dilaksanakan dengan jayanya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan perkara pengecualian duti eksport dan cess yang dikenakan ke atas pekebun-pekebun kecil getah. Oleh kerana duti dan cess ini adalah dikenakan kepada semua pengeluar-pengeluar getah maka adalah tidak menasabah pengecualian diberi kepada sebahagian daripada mereka. Walau bagaimanapun, perkara ini akan terus berada dalam perhatian saya dan akan dicari caracara yang sesuai untuk meringankan beban pekebun-pekebun kecil. Dalam pada itu sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, pekebun-pekebun kecil adalah mendapat faedah secara langsung daripada rancangan-rancangan Kerajaan seperti Rancangan Penanaman Semula yang dijalankan oleh RISDA dan Pemerosesan dan Pemasaran oleh MARDEC. Rancangan-rancangan ini

adalah melibatkan perbelanjaan yang besar seperti Ahli-ahli Yang Berhormat boleh teliti dalam document Rancangan Malaysia Ketiga. Jadi, saya akan terus menimbang perkara ini, oleh kerana Kementerian saya pada masa ini sedang menyemak semula structure cukai yang berkuatkuasa pada masa ini. Dengan harapan semoga beban yang dipikul oleh pekebun-pekebun kecil itu dapat diregangkan selaras dengan matlamat yang diusahakan oleh kita di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi, semasa perbahasan telah membangkitkan soal perusahaan-perusahaan besar yang mempunyai pelaburan modal dan pola pekerjaan yang tinggi, diberi galakan dalam bentuk pinjaman-pinjaman yang rendah kadar faedahnya dan ini menggalakan lebih banyak lagi pelaburan di samping bank-bank perdagangan sekarang mempunyai mudah-tunai yang banyak. Saya sangat-sangat menghargai cadangan menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan pinjaman bank yang baik. Sebenarnya sekarang ini saya mulai mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai Kementerian dan juga dengan pegawai-pegawai Bank Negara dengan harapan semoga kemudahan-kemudahan pinjaman seumpama ini dapat diadakan untuk swasta terutama sekali pelabur-pelabur supaya dapat mereka meneruskan usaha-usaha perniagaan perusahaan mereka di tanahair kita dengan harapan dapatlah kita menambahkan pertumbuhan ekonomi dalam masa lima tahun yang di hadapan kita ini.

Sekarang saya ingin menyentuh tentang teguran yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh mengenai kesukaran yang dihadapi oleh peminjam-peminjam kecil untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman daripada bank-bank perdagangan walaupun adanya jaminan daripada Syarikat Jaminan Kredit. Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa perkara jaminan daripada Syarikat Jaminan Kredit ini telah selalu sangat dibangkitkan dan saya telah memberikan jawapan kepada perkara ini dalam masa soal jawab mulut dalam masa Persidangan Dewan Rakyat ini juga. Saya telah menegaskan bahawa langkah yang positif telah diambil untuk menentukan yang sekim di bawah Syarikat Jaminan Kredit ini akan memberikan lebih banyak pinjaman kepada peminjam-peminjam kecil. Saya suka

juga menegaskan lagi di sini bahawa saya akan memerhatikan perkara ini dan akan mencari jalan bagaimana masalah-masalah yang dihadapi oleh peminjam-peminjam kecil boleh diatasi dengan seberapa cepat yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah mencadangkan supaya diadakan quota keatas bank-bank perdagangan mengenai pinjaman kepada bumiputra. Ingin saya nyatakan bahawa quota seperti yang dicadangkan itu sudahpun dilaksanakan. Pinjaman-pinjaman daripada bank di bawah Sekim Pinjaman Jaminan Kredit hendaklah sekurang-kurangnya merupakan 10% daripada jumlah simpanan dalam bank dan quota untuk pinjaman-pinjaman kepada bumiputra adalah sebanyak 50% daripada tambahan kepada pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan. Sungguhpun demikian, banyak lagi sungutan-sungutan yang kedengaran di merata-rata tempat di tanahair kita yang mengatakan bank-bank perdagangan tidak memberi layanan yang sepatutnya kepada peminjam-peminjam kecil dan juga perniaga-perniaga bumiputra. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa perbincangan yang diadakan dengan Bank Negara adalah bermaksud:

- (1) Untuk menentukan supaya lebih banyak lagi wang diuntukkan untuk diberi pinjam kepada peniaga-peniaga bumiputra dan peminjam kecil dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini berjalan.
- (2) Menerusi Persatuan Bank-bank se Malaysia mengadakan kursus bagi pegawai-pegawainya kerana didapati banyak juga di antara pegawai-pegawai ini setahu saya tidak dapat memberikan layanan yang baik kepada orang-orang yang belum pernah masuk ke dalam pejabat-pejabat bank. Jadi, perlulah diorientasikan pemikiran dan pandangan pegawai-pegawai bank ini dengan harapan mereka itu dapat memahami akan masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga bumiputra dan juga peminjam-peminjam kecil. Saya berharap kalaulah perkara ini dapat dilaksanakan menerusi bank-bank yang ada di tanahair kita ini dan dengan kerjasama persatuannya sendiri maka dapatlah kita memperbaiki keadaan yang menjadi sungutan orang ramai sehingga pada hari ini.

- (3) Perkara yang saya telah nyatakan kerap-kali ialah supaya kita minta bank-bank perdagangan menjadi innovator kepada rancangan-rancangan pembangunan. Saya berharap dengan adanya hubungan-hubungan dari luar dan dari dalam, bank-bank perdagangan yang menjalankan perniagaan di sini seharusnya menjadi innovator supaya dapat menggerakkan penubuhan kilang-kilang dan mengadakan perniagaan-perniagaan dengan cara menarik pemodal-pemodal luar dan juga mencantumkan dan menggabungkan perniagaan-perniagaan yang ada di Malaysia ini dengan bantuan dan panduan daripada bank-bank itu.
- (4) Saya berharap dapatlah saya juga berunding dengan Bank Negara dengan harapan semoga bank-bank saudagar (merchant bank) akan cuba mengadakan suatu rancangan untuk menolong dan memandu syarikat-syarikat yang tidak begitu sihat dalam perjalanannya semoga diperbaiki bukan sahaja struktur modalnya tetapi juga struktur susunan pengurusan yang ada, oleh kerana ini adalah membawa kelemahan kepada syarikat-syarikat tersebut yang mengalami berbagai-bagai masalah sehingga ada setengahnya tidak dapat berjalan dengan baik lagi.
- (5) Saya berharap bank-bank saudagar ini juga akan dapat mengemukakan satu rancangan yang lebih positif untuk menolong bukan sahaja syarikat-syarikat yang lemah dan tidak begitu baik perjalanannya pada masa ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi tetapi juga membantu peniaga-peniaga bumiputra yang mengadakan syarikat-syarikat secara kecil-kecilan supaya menyusun kembali syarikat-syarikat itu, dapatlah mereka bergerak dengan baik di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Semuanya ini adalah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian saya dengan harapan dapatlah memenuhi kehendak-kehendak orang ramai terutama sekali peniaga-peniaga sebagaimana dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta Kerajaan untuk menjaminkan lebih guna tenaga bumiputra dalam bank, syarikat-syarikat insuran dan juga firma-firma stock broker. Kerajaan telahpun mengambil langkah yang positif dalam perkara ini. Misalnya di dalam bidang insuran di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan telah berusaha penuh menentukan pertambahan gunatenaga bumiputra dalam perusahaan insuran. Syarikat-syarikat insuran telah menyambut baik seruan Ketua Pengarah Insuran di Kementerian Kewangan untuk mengambil lebih anak-anak bumiputra pada semua peringkat pekerjaan. Pengambilan anak Bumiputra adalah dikuatkuasakan melalui statistik pada tiap-tiap setengah tahun yang menunjukkan gunatenaga dan kedudukan pekerjaan bagi semua bangsa dan jenis-jenis pekerjaan dengan tujuan mendapatkan gambaran yang terang yang menunjukkan kekurangan-kekurangan di dalam pengambilan bumiputra.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Pada 31hb Disember, 1975 jumlah pekerjaan dalam perusahaan insurance adalah 6,055 dan dari angka itu 2,175 atau 36% daripada semua pekerja-pekerja ialah kaum bumiputra. Pada 30hb November, 1973 gunatenaga bumiputra berjumlah 1,268 atau 29.7% daripada jumlah gunatenaga. Oleh itu nyatalah bahawa dalam masa dua tahun yang lepas gunatenaga bumiputra telah menunjukkan bertambah dengan begitu pesat dan aliran ini adalah dijangkakan akan berterusan. Kerajaan sedang juga mengambil langkah untuk menambah gunatenaga bumiputra pada semua peringkat dalam bank-bank sejajar dengan bilangan antara kaum dalam negeri ini. Pada akhir tahun 1975 jumlah pekerjaan dalam sektor banking ialah 14,953 orang. Dari jumlah ini 5,151 orang atau 34.5% daripada semua pekerja-pekerja ialah bumiputra. Pada akhir tahun 1973 gunatenaga bumiputra ialah 3,530 atau 29.1% daripada jumlah gunatenaga sebanyak 12,129. Maka dengan perangkaan-perangkaan ini jelas dan nyata bahawa jumlah bumiputra yang telah dibawa masuk ke dalam dunia banking telahpun bertambah dan kita akan memperbaiki lagi keadaan ini supaya di tiap-tiap peringkat urusan bank ini akan dapat menggambarkan bagaimana kedudukan rakyat di Malaysia kita sendiri.

Syarikat-syarikat stock broker adalah satu lapangan yang baru bagi kalangan orang-orang bumiputra. Kerajaan sedang mengambil langkah untuk menentukan bahawa perusahaan ini juga akan mencerminkan bilangan antara kaum dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang biarlah saya mengulas beberapa perkara yang saya fikir perkara besar yang telah dibangkitkan dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ketiga. Pertama biarlah saya bercakap tentang pembiayaan Rancangan Malaysia Ketiga. Cara Kerajaan hendak membiayai Rancangan Malaysia Ketiga telahpun diterangkan dalam dokumen rancangan itu sepertimana yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini. Dalam beberapa ucapan saya dalam Majlis ini dan di tempat-tempat lain telahpun menyatakan keyakinan Kerajaan bahawa kita akan boleh mendapatkan kewangan untuk melaksanakan pelaburan sektor awam sebanyak \$18.6 billion. Bagi maklumat yang ditetapkan untuk membiayai projek-projek kita dijangka akan dapat membiayai daripada Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan juga Institusi-institusi Antarabangsa yang lain serta juga punca-punca di antara Kerajaan dengan Kerajaan.

Saya suka memberitahu Dewan ini bahawa pegawai-pegawai di Kementerian saya telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Pengurus Institusi-institusi dan Pertubuhan-pertubuhan ini. Sejauh ini sambutan yang diberikan adalah menggalakkan. Sekarang Rancangan Malaysia Ketiga telahpun dilancarkan dan saya sekali lagi akan membawa lebih banyak soalan-soalan yang tertentu kepada Presiden dan pegawai-pegawai lain di Bank Dunia apabila saya dan pegawai-pegawai Kementerian saya menghadiri Mesyuarat Agong Tahunan Bank Dunia dan juga Kumpulanwang Antarabangsa (I.M.F.) pada awal bulan Oktober di Manila tahun ini. Sementara itu kita sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa bakal-bakal penderma dan juga peminjam antara dua Kerajaan untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman dan bantuan di antara dua Kerajaan. Yunit Perancang Ekonomi (E.P.U.), Perbendaharaan dan lain-lain Jabatan telahpun menetapkan beberapa projek dan telahpun mengadakan perbincangan-perbincangan awam. Dengan hal

yang demikian, saya jangka tidak ada masalah-masalah yang besar yang akan timbul mengenai hal ini.

Mengenai matlamat kita, Tuan Yang di-Pertua, tentang mendapatkan pinjaman pasaran daripada Institusi Kewangan Antarabangsa dan juga daripada Bank-bank Antarabangsa, Kerajaan di masa-masa yang lalu telahpun menegaskan yang Malaysia mempunyai kedudukan yang paling baik oleh kerana hutang luar negeri kita dan juga pembayaran balik hutang adalah agak rendah. Sebagaimana yang telah saya nyatakan di masa yang lalu, Kumpulanwang Antarabangsa (I.M.F.) dan lain-lain institusi menganggap bahawa Malaysia mampu menerima lebih banyak lagi pinjaman dari luar negeri. Walau bagaimanapun kita bertujuan untuk terus bersikap "conservative" di dalam membuat pinjaman. Kita menganggap adalah bijak untuk terus mengekalkan jumlah pinjaman luar negeri kita kepada satu paras yang kita mampu. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum baru-baru ini kita telah mendapat pinjaman wang yang agak besar dengan tiada menghadapi banyak masalah dan ada tanda-tanda menunjukkan bahawa kita tidak akan menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman selanjutnya memandangkan kedudukan cadangan luar negeri kita yang sihat, jangkaan imbalan pembayaran kita yang baik dan juga tingkat hutang negara serta bayaran balik hutang yang rendah. Saya dengan penuh yakin menyatakan setakat ini selagi gambaran ekonomi antarabangsa, saya ulangi: selagi gambaran ekonomi antarabangsa terus bertambah baik dan kekal berkembang dalam beberapa tahun yang akan datang, Malaysia tidak akan menghadapi apa-apa masalah dalam mendapatkan pinjaman pasaran yang lebih baik.

Jumlah besar pembiayaan bagi Rancangan Malaysia Ketiga dijangka datangnya daripada pinjaman dalam negeri. Jumlah pinjaman dalam negeri yang akan dibuat sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, telah ditetapkan selepas beberapa perbincangan di antara Bank Negara, Perbendaharaan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Jumlah ini merupakan satu jumlah yang terbesar, tetapi kita akan boleh mencapai matlamat ini selagi kadar pertumbuhan ekonomi sebagaimana yang dijangka di dalam dokumen Rancangan dapat dicapai. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat

sedar, kedudukan ekonomi antarabangsa sekarang ini sedang pulih dan keadaan yang baik ini terus berkembang. Ini telah mengakibatkan kedudukan harga-harga yang baik bagi eksport-eksport utama negara kita. Kerajaan sedang melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga yang besar dan sektor swasta telah diberi jaminan yang cukup bahawa mereka akan dapat memainkan peranan yang besar dan penting dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Oleh itu bolehlah dijangka bahawa matlamat pertumbuhan ekonomi bukan sahaja boleh dicapai malah boleh melebihi matlamat ini, jika diizinkan. Oleh itu adalah dijangka mempunyai punca yang cukup untuk membolehkan Kerajaan mencapai matlamat pinjaman dalam negeri dan sementara itu, dapat memenuhi keperluan membiayai sektor swasta yang maju dan berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu izinkan saya membuat kesimpulan dengan menyatakan bahawa saya mempunyai keyakinan penuh bahawa sumber-sumber pembiayaan adalah mencukupi untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga. Biarlah saya beralih kepada satu perkara yang menjadi minat kepada tiap-tiap Ahli dalam Dewan ini, dan ini ialah mengenai pembasmian kemiskinan dan kedudukan ekonomi yang tidak seimbang yang menjadi matlamat utama dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Pembasmian kemiskinan dan membetulkan kedudukan ekonomi yang tidak seimbang akan menentukan pertumbuhan dan pengagihan pendapatan yang lebih seimbang dan adil. Tiap-tiap orang memang inginkan bahawa semasa kemiskinan sedang dihapuskan dan kedudukan ekonomi yang tidak seimbang itu diperbetulkan, kumpulan-kumpulan orang miskin yang Kerajaan berazam hendak membetulkan kedudukannya, hendaklah dapat menikmati hasil daripada pembangunan ekonomi keseluruhannya, dan pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Di sini saya suka memberitahu Dewan ini bahawa saya bercadang untuk mengkaji kemungkinan memperbaiki langkah-langkah kewangan dan juga langkah-langkah fiskal kewangan, iaitu yang ada berkaitan dengan cukai dan sebagainya dengan tujuan untuk menambah pengeluaran makanan, menambah eksport, daya pengeluaran pada amnya supaya dapat kita menentukan bekalan barang dan perkhidmatan yang lebih kepada negara dan rakyat.

Dengan tujuan ini saya bercadang untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan bank, sebagaimana yang saya nyatakan tadi dan pembiayaan kepada sektor pertanian untuk menggalakkan pengeluaran perusahaan dan memudahkan serta menggalakkan eksport. Dalam pada itu langkah-langkah fiskal akan dikaji bagi menentukan cara mana Kerajaan dapat mengambil langkah untuk memperbaiki mutu kehidupan dengan cara menentukan perkhidmatan awam yang lebih baik khasnya kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bagi membiayai rancangan ini usaha-usaha besar adalah perlu untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman dalam dan luar negeri, sebagaimana yang saya telah terangkan sekejap tadi. Ini tentulah sedemikian kerana tidaklah mungkin bagi membekalkan simpanan-simpanan yang banyak dari Akaun Semasa Belanjawan Sektor Awam Kerajaan kita sendiri.

Sungguhpun kita mempunyai keyakinan bahawa kumpulanwang dapat diperolehi berasaskan keupayaan kita membayar hutang di dalam dan luar negeri, adalah perlu bagi kita mempunyai disiplin kewangan yang teguh dan mengetahui keutamaan dalam pembahagian dan perbelanjaan kumpulan-kumpulanwang ini.

Oleh itu, keutamaan besar adalah diberi kepada tiga matlamat Rancangan Malaysia Ketiga sebagaimana yang kita semua mengetahui iaitu:

- (i) Mengurangkan kemiskinan;
- (ii) Untuk memenuhi keperluan dalam usaha kita menyusun semula masyarakat; dan
- (iii) Untuk menjaga keselamatan negara.

Oleh itu, tindakan fiskal dan kewangan yang kita ada pada masa ini akan dipergiatkan lagi bagi pertumbuhan ekonomi melalui tambahan dalam pengeluaran dan pembahagian pendapatan yang lebih saksama dan pencapaian harga-harga yang stabil.

Tekanan yang lebih akan diberi bagi memperluaskan pengeluaran tidak sahaja dalam barangan pelaburan tetapi untuk memenuhi permintaan-permintaan pengguna terutamanya permintaan dari kalangan yang berpendapatan rendah. Ini adalah perlu bagi menjamin harga barang-barang pengguna yang

penting tidak bertambah dengan cepatnya. Dan lagi dasar fiskal akan juga diadakan untuk membahagi kumpulanwang mengikut keutamaan bagi mengurangkan kemiskinan. Lebih lagi kumpulanwang telahpun diberi kepada negeri-negeri yang disifatkan sebagai mundur. Perhatian yang lebih akan juga diberi bagi memberi biayaan kepada projek-projek dan rancangan-rancangan dalam daerah-daerah yang telah dikenali mempunyai golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Dasar kewangan akan dibuat lebih flexible dan dinamis untuk tindakan yang lebih cepat mengikut keadaan-keadaan ekonomi dalam dan luar negeri. Keutamaan yang lebih akan diberi bagi mengadakan kredit untuk tujuan-tujuan produktif, terutamanya kawasan kawasan pertanian.

Di samping pertumbuhan ekonomi yang akan merupakan perkara utama sebelum mempercepatkan pembahagian pendapatan dan pencapaian usaha-usaha pembasmian kemiskinan, adalah perlu supaya pertumbuhan ekonomi ini dijamin oleh keselamatan negara dan kestabilan harga barang-barang. Oleh yang demikian, keperluan keselamatan negara ini telah menjadi satu perkara penting yang perlu diberi perhatian selaras dengan itu setiap usaha juga ditumpukan untuk menjamin kestabilan harga, dengan yang demikian faedah daripada pertumbuhan ekonomi ini tidak akan disia-siakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan memerlukan kerjasama daripada semua rakyat untuk menjamin usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk memelihara keselamatan dan pembahagian pendapatan yang saksama. Pengurusan di dalam kedua-dua sektor awam

dan swasta akan mengeluarkan usaha-usaha yang lebih untuk menjamin daya pengeluaran dan pengeluaran yang tinggi. Begitu juga pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja dapat meneruskan kerjasama mereka bagi mencapai matlamat nasional. Sektor swasta hendaklah memahami dengan lebih mendalam aspirasi-aspirasi nasional dan mereka mestilah membuat sumbangan terhadap mencapai matlamat ini. Pendek kata, kita memerlukan sokongan daripada semua pihak bagi menjamin daya-usaha Kerajaan untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dan kita berharap ini akan mendapat sokongan yang penuh daripada semua pihak.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oleh sebab Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tidak hadir dalam Dewan ini, maka saya kemukakan usul untuk menangguhkan mesyuarat ini, dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari esok, Rabu, 28hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.05 petang.